

Memori Pendeta Za'ba



GEMA SERUNAI HATI 6

Penyelenggara
Agus Salim
Mahaya Mohd. Yassin

Anugerah
Penyair
GAPENA
1999



Memori
Pendeta Za'ba

GEMA SERUNAI HATI 6

Penyelenggara
Agus Salim
Mahaya Mohd. Yassin

2003

AS 005/2003

Cetakan Pertama 2003

© Penyelenggara: Agus Salim, Mahaya Mohd. Yassin

Karya: Penulis 2003

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan -
dalam - Penerbitan

Memori Pendeta Za'ba: Gema Serunai Hati 6/
Penyelenggara Agus Salim & Mahaya Mohd. Yassin

Reka Bentuk/ Zulkifli Abu

ISBN 983-211802-7

1. Malay Poetry 1. Judul

899.23123

Diatur Huruf oleh Penerbitan Matra

Muka Taip Teks: Century Gothic

Saiz Taip Teks: 11

Penerbit:

Lembaga Muzium Negeri Sembilan

Urus Terbit:

Koperasi Penulis Negeri Sembilan Berhad (KOPPEN)

Dicetak oleh

Citra Media Sdn Bhd,

Seremban

KANDUNGAN

Pengenalan Penyelenggara	10
Majlis Perasmian Teratak Za'ba	12
Kata Sambutan Menteri Besar	13
Objektif Penubuhan	14
Seni Kata Lagu	15
Biodata Ringkas Za'ba	16
Majlis Jasamu Dikenang	18
Kata Sambulan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri	19
Kata Sambutan Ahli Jawatankuasa Induk	20
Pendahuluan dan Tujuan	21
Za'ba Lentera Cendekia	22
Za'ba	
Pedoman Belia	24
Kehilangan Adat Melayu	25
Kelebihan Ilmu	26
Zaman Maju	27
PERADUAN MENULIS SAJAK ZA'BA 2002	
Keputusan	28
Pemenang Pertama	
Farah Nabilla Anuar	
Pendeta	30
Pemenang Kedua	
Atriza Umar	
Za'ba Patriot Terbilang	32
Pemenang Ketiga	
Mohd. Muaz Azizan	
Za'ba (Pejuang Bahasa)	34
Fairoz Abdul Rahim	
Pendeta Za'ba	36

Farah Shahnaz Mohd. Ramli	
Malam Ini	37
Maizatul Munira	
Pendeta Pertama dan Terakhir?	39
Mohd. Arham Han Amerudin	
Pendeta Za'ba	40
Mohd. Hanafi Saat	
Pahlawan Bangsa	41
Mohd. Izzuddin Haffez Mohd. Zahar	
Catatan Buat Pendeta	42
Mohd. Rafizan Md. Hakim	
Pendeta Tercinta	45
Mohd. Saiful Salim	
Perwiraku Pendeta Za'ba	46
Mohd. Zulhairi Zulkifli	
Pendeta Za'ba	47
Muhammad Azree Abd. Aziz	
Hilangmu Tiada Berganti	48
Muhammad Hanapi Jamaludin	
Pendeta Za'ba	51
Noor Rafidah Hamid Dol	
Pendeta Za'ba	52
Noorhanis Zainuddin	
Pendeta Za'ba	53
Norfarhana Abdul Rahim	
Za'ba Pejuang Bangsa	55
Norkamalia Baharum	
Za'ba Dalam Kenangan	56
Norsharydatul Eliza Sulaiman	
Pendeta Za'ba	58
Norzihan Husin	
Pengorbananmu Za'ba	59
Nur Aimi Hakimah Md. Fiah	
Pendeta Za'ba	61
Nur Amalina Tajudin	
Pendeta Za'ba	63

Nur Izzati Ismail	
Pendeta Agung	65
Nur Sahira Nordin	
Bunga Bangsa	66
Nur Zuhalli Razali	
Secangkir Ingatan Buat Pendeta	68
Nurul Aida Nazieli Sabtu	
Pendeta Negara	69
Nurul Safiah Zaim	
Za'ba	70
Oumi Azzahra Zainudin	
Dalam Kenangan	73
Rosmawani Mustapha	
Pendeta Za'ba	75
Satene Shahrudin	
Patriot	76
Sharifah Sulaiman	
Bahtera Seorang Pendeta	78
Siti Hashzeyana Mohd Yasim	
Coretan Buat Za'ba	79
Siti Hawa Md. Karim	
Za'ba Bapa Pendidik	81
Siti Munirah Mohd Sharif	
Balada Tok Ayah	82
Siti Noraini Jamaludin	
Perjuangan Seorang Insan	84
Siti Sarah Razak	
Pendeta Nusa dan Bangsa	86
Yusneeza Yazid	
Pendeta Za'ba	88
Zulkefli Akmal Zainal Abidin	
Pendeta Za'ba	90

DHARMAWIJAYA: PENERIMA ANUGERAH	
PENYAIR GAPENA 1999	92
Biodata Dharmawijaya	95
Dharmawijaya	
Kampung Talang	97
Warga Petani	99
Di Bayanganmu	100
Gurindam Azam	101
Mudah-mudahan	102
PENGENALAN GURINDAM	103
Mahaya Mohd Yassin	
Gurindam Pendeta	104
Ketika Itu Za'ba	105
Tiara	106
Tiada Tandingan	107
Gurindam Murid Dahulu Murid Sekarang	108
Agus Salim	
Ilmu	110
Nafsu	111
Kasih	112
Sombong	113
Taubat	114
Taat	115
Adil	116
Baik	117
Tolong-menolong	118
Hormat-menghormati.	119
PENGENALAN SELOKA	120
Dari Penyelenggara	121
PENGENALAN PANTUN	122
Adib Syukri	
Komputer	123
Pantun Dua Kerat	124

Ainur Yasmin	
Nenek	125
Agus Salim	
Putrajaya	126
Kuala Lumpur	127
Tempat Terkenal	128
Pahlawan	129
Jasa	130
Dari Nusantara	131
Tetamu	132
Anugerah Pujangga.	133
PENGENALAN SYAIR	134
Adib Syukri	
Pujangga UPSI	135
Ainur Yasmin	
Puisi Melayu	136
Agus Salim	
Rajin	137
Taat	138
Murid	139
Jiwa Perwira	140
Kalung Bunga	141
Pelita Bahasa	142
Gurindam Alam	143
Siti Salbiah Zahari	
Izin Restu	144
PENGENALAN RUANGAN SUMBANGSIH	146
Abdullah A. R	
Dibalut Kecharuan	147
Adib Syukri	
Karyawan Ulung	148
Adnan A.M	
Kita sebenarnya	149
Jeriji Fantasi	150

Ahmad Afian	
Pejuang Bahasa	151
Ahmad Zahili	
Ilmu Mengarang Melayu	152
Ainur Yasmin	
Papan Batu	153
Atriza Umar	
Za'ba Perintis Bahasa	154
Bahrum Basar, Haji	
Nostalgia Pendeta Sufi	156
Balidin	
Penghormatan	157
Efzek Syuhada NS	
Siapalah Kita	158
Intan Lily Julieana	
Pemurah Bakti	159
Isbiha	
Siapakah Gerangan	160
Ismail Mohd. Taib	
Salam Pendidik	161
Mohd. Hata	
Arkib Pendeta	163
Mohamad Saleh Salimin	
Pendeta Za'ba	164
Muzahar Adam	
Air Mata Pembawa Rahmat	165
Nisah Haji Haron	
Sumpah Keramat	166
Rafe'ah Abdul Rahman	
Kitalah Guru Bestari	168
Rahimi NS	
Gagasan Seorang Pendeta	169
Rauna	
Suatu Pengharapan	171
Tidak Pasti	172
Shazmee Rizal Agus Salim	
Kerusi	173

Siti Salbiah Zahari	
Falsafah Pendeta 1	174
Falsafah Pendeta 2	175
Falsafah Pendeta 3	177
Suhaimi Othman	
Citra Dari Rumah Za'ba	178
Bicara Buat Anak Merdeka	179
Zulkifli Abu	
Suara	181
TABLO	
Pendeta	182
IMBASAN	186
Koleksi Za'ba	188
BIODATA PELAJAR	192
BIODATA PENULIS SUMBANGSIH	197
BIODATA PENYELENGGARA	203

PENGENALAN PENYELENGGARA

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan sekalian alam, limpahkanlah salawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad s.a.w. beserta keluarga, para sahabat dan orang-orang yang mencintainya.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah taufik dan hidayat-Nya, kami dapat menyelesaikan selenggaraan buku ini.

Terlebih dahulu kami memanjatkan syukur ke hadapan Subhanahu Wa' Taala atas taufik dan hidayat-Nya Gema Serunai Hati dapat bernafas supaya terus hidup.

Selepas menerbitkan Gema Serunai Hati 3, 4 dan 5 diharapkan Gema Serunai Hati 6 akan berubah isi dan imej dalam menghadapi alaf baru. Kami rancangkan antologi puisi berisi 10 tokoh yang ada wajah dan kira-kira 10 sajak seorang dengan bantuan harga cetak masing-masing. Rupa-rupanya idea ini kurang sambutan.

Sebaliknya sebagai yang ternyata Gema Serunai Hati 7 PEN terbit dahulu, berbahagi dua dengan badan lain untuk memberi ruang kepada para peserta peraduan mengarang sajak, khususnya pelajar atau orang baharu.

Kami bersyukur ke hadirat Illahi dan sekali lagi berterima kasih kepada pihak yang menghulurkan tangan kepada kami. Kali ini dengarnya pihak kerajaan melalui Lembaga Muzium Negeri sudi menjadikan hasrat ini sebuah realiti.

Pihak Lembaga Muzium Negeri akan menyorot Memori Pendeta Za'ba, projek tahunan 'Jasamu

Dikenang', ketokohan Za'ba dan hasil peraduan mencipta sajak Pendeta Za'ba sempena Majlis 'Memori Za'ba 2002' serta imbasan penghargaan.

Manakala bahan kami yang sedia ada ialah penghargaan Anugerah Penyair GAPENA, gurindam, pengenalan seloka, pantun, syair, dan sumbangan ahli.

Terima kasih kepada pihak Lembaga Muzium Negeri yang akan memberi imbuhan kepada setiap karya yang terpilih dalam antologi.

Semoga diberkati Allah dan akan berpanjanganlah usaha murni ini.

Agus Salim

Mahaya Mohd. Yassin

Rumah Rindu,

Seremban.



Majlis Perasmian Teratak Za'ba

disempurnakan oleh

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato' Haji Abdul Samad

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Pada 5 Februari 2001

Ketokohan tidak terbina dalam masa singkat. Ia terbentuk melalui proses yang menuntut kesungguhan, daya tahan dan bersifat tekal. Tokoh juga tidak mengangkat dirinya tapi diangkat oleh masyarakat di atas jasa dan sumbangan yang ditaburkan.

Dalam konteks ini, Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba telah dapat membina ketokohan melalui bidang yang cukup dekat dengan hati nurani bangsa iaitu bahasa dan pada masa yang sama turut menyumbang pemikiran dalam aspek sosial, ekonomi dan politik.

Berdasarkan premis inilah sewajarnya Za'ba diberi penghargaan oleh Kerajaan Negeri dengan menyediakan memorial khas yang dibina di kampung kelahirannya sendiri, Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir.

Kalau England boleh berbangga dengan Rumah Shakespeare di Stratford-Upon-Avon, mengapa kita tidak juga memiliki Teratak Za'ba yang boleh dikunjungi oleh orang ramai bagi meneliti peninggalan besarnya.

Kalau pun tidak kita boleh mengenal Allahyarham secara dekat bagi mencontohi peribadinya, bangsa yang mengenang jasa tahu meletakkan tokoh yang memberi sumbangan besar terhadap tamadun bangsa pada tempat yang sewajarnya.

Oleh kerana itulah Kerajaan Negeri Sembilan mengambil perhatian serius sejak projek ini dari peringkat perancangan sehinggalah ia menjadi kenyataan, sepertimana yang dapat kita lihat ini.

Salam takzim.

**DATO' SERI UTAMA TAN SRI HAJI MOHD ISA
BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

Objektif Penubuhan

- ❑ Menghargai jasa Za'ba atas sumbangan beliau dalam bidang bahasa, sastera, sosio-budaya, agama, politik dan pendidikan.
- ❑ Sebuah memorial untuk memperingati tempat kelahiran Za'ba, di samping satu penghargaan Kerajaan Negeri kepada waris-warisnya.
- ❑ Produk pelancongan berunsur pendidikan yang boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak khususnya penyelidik, ilmuan dan pelajar.
- ❑ Memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mengenali dengan lebih dekat lagi sumbangan seorang tokoh yang berjasa melalui koleksi peribadi peninggalannya.
- ❑ Sebagai tempat menyimpan dan mengumpul koleksi Za'ba selain daripada Arkib Negara dan Universiti Malaya.

PENDETA ZA'BA

Lirik: Mahaya Mohd. Yassin

Batu Kikir bersejarah
Tempat lahirnya putera
Kebanggaan semua
Masyhur dengan nama Za'ba
Pejuang bahasa kita
Pendeta sangat ternama.

Demi cinta akan bangsa
Demi kasih akan nusa
Berkhidmat dengan rela
Dalam bidang pendidikan
Bahasa juga agama
Yang mencipta kemajuan.

Za'ba pendidik maha perkasa
Za'ba pendeta yang berwibawa
Za'ba pembimbing yang banyak jasa
Memajukan nusa bangsa.

Tokoh yang berwawasan
Sedarkan yang leka
Bangkit dan menggempur kemajuan
Teguh maruah dan jati diri
Berdaulat dan dikagumi.

Za'ba mutiara kita
Pemikir berhemah tinggi
Mengharumkan pertiwi
Za'ba patriot terbilang
Baktinya tetap dikenang
Semerbak zaman berzaman.

BIODATA RINGKAS ZA'BA

ZA'BA (Zainal Abidin bin Ahmad, Anak Melayu Jati, Patriot, Zai Penjelmaan).

Lahir : 16.9.1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir.

Meninggal : 23.10.1973

Gelaran : Pendeta Tan Sri Haji Zainal Abidin bin Ahmad.

Pendidikan : Sekolah Melayu Linggi (1907) juga mengaji bahasa Arab. St. Pauls Inst. Seremban (1910-15) lulus Senior Cambridge.
SOAS di London bekerja sambil belajar (1947-53) lulus Sarjana Muda Sastera.

Pekerjaan : Guru bahasa Melayu di Johor Bahru (1916-18),
Guru bahasa Melayu & penterjemah di MCKK (1918-23),
Penterjemah Pejabat Pelajaran di Kuala Lumpur (1923-24),
Penterjemah di MPSI (1924-39), Pejabat Penerangan di Singapura (1939-42),
Setiausaha UMNO (Mac 1946) berundur kerana kesihatan.
Penterjemah di Pejabat Pelajaran Kuala Lumpur (1946),
Pensyarah bahasa Melayu SOAS di London (1947-50),
Pensyarah & Ketua Jabatan UM di Singapura (1953-58).

Karya : Antara yang terkenal: Pelita Bahasa Melayu 1,2 &3. Ilmu Mengarang Melayu, Kalung Bunga 1 & 2, Anak Raja

dengan Anak Papa (terjemahan),
Persuratan Melayu 1,2 & 3.

Anugerah : 1956- Gelaran Pendeta - Kongres
Bahasa dan Persuratan Melayu
di Johor Bahru
1959-anugerah Doktor Persuratan dari
Universiti Malaya
1973-anugerah Doktor Persuratan dari
UKM, Bangi, Selangor
1958-bintang Panglima Mangku Negara
bergelar Datuk
1962-bintang Pingat Mangku Negara
bergelar Tan Sri.

Kegiatan : 1. 1918 ahli The Young Muslim Union
Penang.
2. 1924 menubuhkan The Malay Literary
Society Kuala Lumpur.
3. Menjadi ahli Jawatankuasa
Persatuan Kemajuan Pengetahuan
Kuala Lumpur.
4. Penasihat Umum PASPAM (1937-39).
5. Menjadi Yang Dipertua Persatuan
Melayu Selangor -hantar bantahan
penubuhan Malayan Union (1945)
6. Mengadakan Kongres menentang
Malayan Union (1946).
7. Menganjurkan PBMUM (1953)
8. Ketua Jawatankuasa Kongres Bahasa
/ Sastera Melayu ke III.
9. Selepas bersara Ahli Lembaga
Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis Perasmian

Jasamu Dikenang

Di Teratak La'ba

Batu Kikir Timur, Jempol

Pada 23 September 2001



oleh: YB. Dato' Haji Lilah bin Haji Yassin
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan Negeri Sembilan.



Produk-produk pelancongan perlu bersifat dinamik bagi menghadapi citarasa manusia yang semakin beragam dan tinggi sifatnya. Menyedari hakikat ini, Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri sentiasa memikir dan merancang agar setiap produk berwajah segar dan menarik untuk dikunjungi.

Bersandarkan kajian dan pengalaman lalu, kami cuba memberi suntikan baru terhadap setiap produk pelancongan di negeri ini dengan mengambil kira setiap satunya perlu berfokus.

Secara sedarnya kita telah memfokuskan daerah Jempol sebagai destinasi pelancongan berasaskan pendidikan berdasarkan beberapa potensi yang ada di sini.

Bermula dengan pembinaan Teratak Za'ba di tapak kelahirannya iaitu di Batu Kikir, pelbagai produk sokongan akan turut dibina agar setiap pelancong mendapat semaksimum kepuasan apabila berkunjung ke sini.

Program 'Jasamu Dikenang' yang diadakan hari ini adalah pemula kepada rentetan program yang dirancang di sini yang diharapkan dapat menjadi destinasi penyelidik, pencinta dan peminat bahasa, budaya dan sejarah sama ada dari peringkat murid-murid sekolah sehinggalah peringkat yang tertinggi.

Di samping tempat tumpuan utama ini, daerah Jempol akan turut mempunyai tarikan pelancongan lain agar penyebaran destinasi pelancongan berasaskan daerah dapat dijadikan kenyataan. Salam takzim.

Y.B. DATO' HAJI LILAH BIN HAJI YASSIN,

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan
Negeri Sembilan.

Perasmian Teratak Za'ba pada Februari lalu banyak membuka minda kita terhadap ketokohan dan perjuangan Allahyarham Pendeta Za'ba, tokoh yang diterima umum di peringkat nasional sebagai pejuang bahasa yang tiada tolok bandingnya.

Dengan menyediakan pelbagai program sokongan seperti rancangan 'Menghayati Karya Za'ba' dan 'Kuiz Za'ba' di Radio Malaysia Negeri Sembilan selama sebulan, tokoh ini dapat diletakkan di tempat yang sewajarnya; setidak-tidaknya pada pandangan umum rakyat negeri kelahirannya sendiri.

Bagi mendekatkan lagi tokoh ini dengan generasi baru, Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus turut menerbitkan bahan sokongan lain seperti Kios Maklumat Za'ba, laman web, video dan VCD mengenai riwayat hidup dan sumbangan Allahyarham.

Sebagai agensi kerajaan yang diamanahkan menguruskan warisan negeri, Lembaga Muzium Negeri merasa bertanggungjawab memastikan tokoh ini sentiasa dikenal dan dikenang oleh setiap lapisan masyarakat dan sehubungan itu program 'Jasamu Dikenang' ini diadakan mulai tahun ini.

Pada kesempatan ini saya memohon kerjasama semua pihak supaya dapat mencadangkan pengisian program yang akan diadakan setiap tahun ini agar benar-benar bervariasi dan bermanfaat kepada pengunjungnya.

Hanya pengunjung yang lebih tahu apa yang diinginkan dan kami sebagai pelaksana akan cuba memenuhi keinginan itu.

Salam takzim.

HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN SU
Pengerusi Jawatankuasa Induk

PENDAHULUAN

Sambutan hari Jasamu Dikenang ini diadakan sempena tarikh kelahiran tokoh besar Pendeta Za'ba pada 16 September 1895. Sambutan ini akan dijalankan setiap tahun (seboleh-bolehnya pada tarikh yang sama) bagi menghargai dan mengingati tokoh besar kelahiran Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir Timur, Negeri Sembilan ini. Acara-acara yang dijalankan diharapkan dapat menyemai dan membentuk generasi hari ini dengan ciri-ciri positif yang ditinggalkan oleh Allahyarham Pendeta Za'ba sama ada daripada segi keperibadian dan kerjaya.

Melalui program ini juga diharapkan dapat meningkatkan sektor pelancongan di daerah Jempol yang ditetapkan menjadi destinasi utama pelancongan berasaskan pendidikan di Negeri Sembilan. Dengan menjadikan Teratak Za'ba sebagai monumen utama yang dikelilingi beberapa tarikan berunsur pendidikan yang lain, daerah Jempol diprojekkan sebagai tempat kajian kebudayaan dan pendidikan Negeri Sembilan.

TUJUAN

- ❑ Acara Jasamu Dikenang ini akan menjadi acara tahunan bagi Teratak Za'ba di samping menjadi daya tarikan pelancongan.
- ❑ Berusaha memperkenalkan tokoh Negeri Sembilan iaitu Pendeta Za'ba kepada pelancong tempatan dan luar negara.
- ❑ Mendapatkan dan mengumpulkan bahan dokumentasi mengenai Za'ba.
- ❑ Menjadikan acara Jasamu Dikenang ini sebagai salah satu pengisian aktiviti pelancongan.
- ❑ Menjadikan tempat penyelidikan dan kajian bagi pengkaji sejarah dan pelancong.

ZA'BA LENTERA CENDEKIA

Za'ba

Sebutir mutiara

Menyilau kepekatan alam fana

Membina dan mengasuh pohon peribadi

Cekal bertakwa dan bijaksana.

Za'ba

Bintang bahasa

Menyinar seluruh cakerawala

Mengerdip menggerak minda dan jiwa

Bangsa berwibawa petah berbicara

Hujah bertatacara dan perkasa.

Za'ba

Lentera cendekia

Mengerlip di ladang sukma

Mewangi citra mengasuh daya

Memugar bestari bangsa sendiri

Menyuluh jati diri sejati.

Za'ba

Mata neraca

Menyerkup sengsara memerdekakan bangsa

Usah lagi dibelenggu dera derita

Bangkit, bangkitlah menggempur potensi

Kejayaan perjuangan di genggam sendiri.

Za'ba

Mengkritik kaumnya dengan niat mulia

Agar gah menangkis alpa

Menilai diri menjejak realiti

Usah lagi nyenyak bermimpi

Di pusaka sendiri.

Za'ba

Pedas dan tangkas, cerdas dan tegas
Menyedarkan insan yang mengalah tewas

Ketika yang lain tertawa puas

Sedangkan bangsanya lemah mengalah

Sebelum bermula mengatur langkah.

Kerana Za'ba ialah Za'ba

Anugerah kurniaan Yang Maha Esa

Roh dan cahaya ribuan bintang mutiara

Rela setia menggemilangkan bangsa,

Marilah kita kembali menyusun strategi

Bersepadu mencerna hala yang direntas

Bangsa kita tidak lagi tertindas

Ayuh!

Kita harumkan kasih sepakat

Teguh berkorban keringat nan berkat

Memacu ilmu lampu beramal

Suci niat teguh bersemangat

Beriman berusaha sebelum pasrah

Bangsa kita bangsa yang hebat

Bermaruah dan bermartabat!

MAHAYA MOHD. YASSIN

Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN)

11 September 2001

Pedoman Belia

Ingat pesanku wahai belia,
Jangan berdusta jangan perdaya,
Jangan kikir kasihkan kaya,
Jangan boros yang sia-sia.
Jangan mengata jangan mengeji,
Jangan aniaya bengis dan benci,
Jangan takbur diri dipuji,
Jangan sekali memungkiri janji.
Judi dan arak jangan biasa,
Lucah dan cabul jangan selesa,
Usah bermain ular yang bisa,
Lambat bangatnya dapat binasa.
Jangan meminjam jangan berhutang,
Jangan meminta bantuan sementang,
Bergantung ke orang hendaklah pantang,
Bebas kehidupan sentiasa tatang.
Meminjam jangan meminjamkan jangan,
Barang dipinjam kerap kehilangan,
Sahabat peminjam renggang di tangan,
Hutang merosakkan maruah pandangan.
Jangan biasakan minta tolong,
Ke sini tersembah ke sana terlolong,
Ikhtiar sendiri bantut bergulung,
Akhirnya kebolehan lenyap terlelong.
Latihlah diri sifat merdeka,
Daya sendiri setiap ketika,
Jangan sombong asal dan baka,
Atau kelebihan adik dan kaka.
Padalah itu aku khabari,
Ingatlah semua muda jauhari,
Kiranya kabul Allah memberi,
Dirimu jadi pemulih negeri.

ZA'BA

Kehilangan Adat Melayu

Aduhai resam, wahai adat
Lembaga di mana telah beradat?

Wah, hilang adat lenyaplah bahasa
Ghaib seperti tiada berbisa.

Semakin mengerang sentiasa
Seperti dipagut tedung yang bisa.

Amboi, adat tiruan resam terpaksa
Umpama gajah menjadi rusa.

Oleh ragi campuran bangsa
Adat tertib habis binasa.

Sayang-sayang
Merajuk ke manakah adat Melayu?
Laksana debu dipupuk bayu
Wallahu aklam entahkan jatuh ke laut,
Gerangan disambar yu.

Puisi Tradisional Melayu

ZA'BA

Kelebihan Ilmu

Ilmu itu gemala sakti
sinarnya cerah cahaya sejati.
Asal puncanya lamun didapati
sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat ternilai
sebuah dunia belinya bukan.
Kuasanya besar sukat digunakan
di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah tolan
teman berbeka suluh berjalan.
Masa berhimpun ia pengenalan
hias penyata polan di polan.

Bagi yang duka ia penghibur
ia penerang bagi yang kabur.
Ialah kandil di dalam kubur
lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga
ia pemuas tekak yang dahaga.
Ialah sungai ialah telaga
laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna
idaman orang yang bijaksana.
Hamparnya luas amat saujana
tepinya ajal sempadannya fana.

ZA'BA

Zaman Maju

Aku dan kamu
hidup sekarang di zaman maju
zaman pendapat baharu, zaman baharu
tidak lagi seperti dahulu
zaman kebesaran dan perkembangan ilmu
manusia tidak lagi boleh diperlembu.

Buangkan segala perasaan kuno
segala fikiran beku yang keras kaku
segala kepercayaan karut yang hanya jadi belunggu
segala-galanya, yang kini tidak lagi kaku
lemparkanlah, tinggalkanlah sekaliannya itu,
supaya kita senang lalu.

Kita mesti berani menggodam mengetuk
meruntuh meroboh segala yang lapuk
memotong yang busuk, memangkas yang bengkok
mengganti, membaharu dengan lebih elok
mengikut panduan sebenar-benar petunjuk
timbang sendiri, tidak mengikut telunjuk.

Hapuskan segala kepercayaan
yang tak mempunyai kenyataan kebenaran
ingat, hati-hati: kita mestilah berani
dengan tekad menurut suluhan abadi
memecahkan sekatan kolot, walau seperti besi
segala yang berkarat dikikis diganti.

Puisi Melayu Tradisional

PENGENALAN PERTANDINGAN MENGARANG SAJAK

Pertandingan Mengarang Sajak Pendeta Za'ba Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus 2002 dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Sembilan pada bulan Julai hingga Ogos 2002. Temanya ialah perjuangan dan sumbangan Za'ba sebagai tokoh bahasa dan sastera Melayu, agama, politik dan pendidikan. Pertandingan yang julung-julung kali diadakan untuk memperingati tokoh wibawa tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran serta menghayati dan memperingati perjuangan, sumbangan dan falsafah Pendeta Za'ba sebagai tokoh yang memartabatkan bahasa di kalangan pelajar sekolah menengah. Mereka diminta menghasilkan sajak sendiri sepanjang 7 hingga 10 rangkap dengan sekurang-kurangnya 4 baris dalam setiap rangkap.

Hadiah: pertama RM 150.00 dan sijil, kedua RM 125.00 dan sijil, ketiga RM 100.00 dan sijil, 10 sugu hati RM 50.00 setiap satu dan sijil.

PEMENANG:

- Johan : Farah Nabilla Noor Anuar
Pendeta Za'ba
- Naib Johan : Atriza Umar
Za'ba Patriot Terbilang
- Ketiga : Mohd. Muaz Azizan
Za'ba (pejuang bahasa)
- Sugu Hati : Farah Shahnaz Mohd. Ramli
Malam ini (Khas buat Pendeta Za'ba)
: Norfarhana Abdul Rahim
Za'ba Pejuang Bangsa
: Norkamalia Baharom
Za'ba Dalam Kenangan

- : Yusneeza Yazid
Pendeta Za'ba
- : Norzihan Husin
Pengorbananmu Za'ba
- : Nur Sahira Nordin
Bunga Bangsa
- : Satene Shahrudin
Patriot
- : Mohd. Izzuddin Hafez Mohd. Zahar
Catatan Buat Pendeta
- : Siti Noraini Jamaluddin
Perjuangan Seorang Insan
- : Zulkefli Akmal Zainal Abidin
Pendeta Za'ba

Farah Nabilla Noor bt. Anuar

Pendeta

Tersingkap tabir kegelapan
yang menyelubungi wajah bangsa
dengan pena dan tajam fikir
yang merentas masa serta mendepani zaman
mudik menyongsong arus kepayahan
cekal meredah gelombang kepahitan
Batu Kikir tanah tumpah darahnya
mencatat sejarah wira bangsa.

Bermain pena memacu minda
di gelanggang bahasa berpancak tinta
bukan mudah mencanai bahasa
bukan senang mengadun kata
resah gelisah diusir dahulu
jemu bosan dikuis ke tepi
sedang insan diulit mimpi
pendeta bersepi ke dinihari
untuk melahirkan buah karya
bakal menjadi pedoman warisan
terpancar wadah menggegar warga.

Lahir Pelita Bahasa Melayu
buah tanganmu nan tersohor
demikian jua Canai Bacaan
butir keringatmu nan tumpah
satu persatu kata diungkap rapi
bahasa diadun santun dan molek
untuk menyuburkan ladang bahasa Melayu
kausuluh samar dan gelap yang mengaburi bahasa
kaucabut duri keliru nan merintang akal.

Bangsa yang sedang lelap mata dan minda
disergah dengan laungan kesedaran

bingkas bangun memburu ilmu dan kemajuan
meskipun dirantai dengan kemiskinan
dan budaya usang.

Zainal Abidin bin Ahmad
demikian nama pendeta
yang terukir di mercu tanda sejarah
tiap aksara yang diatur mengungkap makna
tiap kata yang dijalin merimbun madah
dan tiap khazanah yang kautinggal
menjadi pusaka berharga
yang disimpan dan digilap.

Biarpun puspa bahasa pelbagai warna menyeri
waktu
biarpun dahan bahasa beranting canggih
dengan wangian teknologi
namun akar umbi dan tunjangnya
telah terpasak dek pendeta
kitalah pewaris
yang melengkapkan dan mengharumkan
amanahnya!

Seremban

Atriza bt. Umar

Za'ba Patriot Terbilang

Urutan sejarahnya kan tetap terus mekar
membuka tirai suatu legenda termasyhur
tersusun faktanya senantiasa terukir indah
menjulung nama ke arena bahasa
menjadi kebanggaan warga bangsa.

Kisahinya Za'ba kembali menguntum mekar
16 September 1895, satu sejarah telah tercipta
lahirnya insan yang bertamadun ilmuwan
mengukir suatu nama di persada dunia
hingga hayatnya digelar pendeta.

Zaman kecilnya sebagai anak desa
dididik tegas hidup bermasyarakat
setiap langkahnya diatur jelas
hingga semangat jiwanya kental padu
menimba ilmu untuk mengharungi hidup.

Tuahnya terpancar pada namanya
menjadi satu kebanggaan ilmuwan dunia
matlamat wawasannya ingin mendidik semua
biar wadah bangsa terus dibela
daripada dijajah pengkhianat bangsa.

Zainal Abidin asal namanya diberi
hidupnya tunjang utama para pendidik
pelbagai wahana menjadi pemikir seantero dunia
ingin melihat bangsanya terus terbela
hingga martabat bangsa diagungkan.
Za'ba menjadi tonggak sang ilmuwan
tidak gentar mengecapi segala rintangan
citanya diteruskan walau disekat

namun bakatnya terus digilap
ilmu agama sesungguhnya menjadi perisai.

Za'ba terus mara ke hadapan
demi menggapai segala cita diri
biar meredah lautan api sekalipun
hasrat di hati harus ditunai
mengembangkan ilmu ke pelosok dunia.

Kini lembaran patriotisme Za'ba dikenang
kerana pemikirannya menjadi pemikir negara
biarpun lelah perit peristiwa segunung pasir
jitunya semangat membela bahasa dan bangsa
hingga empunya diri bergelar pendeta.

Ya ... Pendeta Za'ba
diberi penghormatan sebagai ilmuan
setiap khazanahnya didukung perintis bahasa
setiap langkah pemikiran kreatifnya saujana
menjadi kebanggaan warga Malaysia.

Seremban

Mohd. Muaz b. Azizan
Za'ba (pejuang bahasa)

Lahirmu di bumi perpatih
mengalir di tubuhmu darah pahlawan Bugis
mewarisi kekentalan semangat Minangkabau
daripada keturunan berharta dan beragama.

Gelaranmu Pendeta Za'ba
tokoh bahasa terbilang
mencurahkan jasa bakti di tanah pertiwi
mengangkat martabat bangsa yang tercalar
maruahnyanya.

Daripada tulisan-tulisan di dedaunan pisang
melakar sejarah tersendiri
bersekolah Inggeris tidak menginggeriskanmu
bahkan lebih Melayu
daripada yang berpendidikan Melayu
darimu lahirlah Pelita Bahasa Melayu
dan Ilmu Mengarang Melayu.

Za'ba
melihat dengan mata hati
berjuang dengan mata pena
menghimpun buah fikirmu
tentang bahasa, tentang sastera,
tentang agama, tentang budaya.

Za'ba
pejuang bahasa
diuji berkali-kali
semangatmu tetap takkan mati
beranimu tidak membuta tuli
membawa bangsamu keluar
dari kepompong adat kuno.

Za'ba

sesungguhnya kau pendeta
tinggi ilmu rendah hati
tokoh bahasa, pemikir Melayu
majulah bangsaku dengan ilmu
usah kemiskinan diwarisi temurun.

Za'ba

insan yang tiada duanya
patah tak tumbuh hilang tak berganti
sesungguhnya Za'ba
kaulah pendeta.

Seremban

Fairoz Abdul Rahim
Pendeta Za'ba

Kutipkan puisi syahdu
buat dirimu tokoh ilmuwan
walaupun jauh jasadmu tak kelihatan
karyamu menjadi pengubat rindu.

Kala penat mencoret rasa
Kala penat memartabatkan bahasa
jiwamu tak pernah lekang dek usaha
malah kautekun layarkan perahu bangsa.

Segala jasa yang kaucurahkan
menjadi lambang identiti bangsa
dengan adanya bahasa yang kaucipta
bertambah tinggi tamadun bangsa.

Kini, semua tokoh ilmuwan
seolah-olah tunduk memuliakanmu
segala yang kauwariskan
digunakannya sebagai amanat.

Bukan kerana nama
bukan kerana darjat
tetapi setiap kata kaucoretkan
menjadi pendorong buat mereka.

Syukur kepada Tuhan
kerana mencipta dikau buat semua
tanpamu ...
mungkin tiada yang boleh kita banggakan.

Berkat cita-cita dan kesungguhanmu
tak kukenal erti penat dan kecewa
kan kuteruskan usahamu
demi bahasa dan bangsa kita.

Farah Shahnaz bt. Mohd Ramli

Malam Ini

Malam hening kian terbentang
namun hatiku masih terasa
terasa akan sesuatu kepulangan
kepulangan seorang pahlawan
Pendeta Za'ba.

Tangisan dalam ketawa
sendu-sendand menjadi syair kita
terasa ingin kusentuh puisimu
walau seketika cuma
syair cinta
rindu dan dahaga
agar hilang kehausan bahasa.

Tanggal 16 September 1895
hidupmu bermula dengan sengsara
seperti Nabi Noh dan kaumnya
mengajar mengenal erti ketuhanan
tetapi kau mengajar
erti sebenar takdir.

Semangatmu kuat, engkau tabah
seperti manusia biasa
engkau sedar di mana berada
sehingga dirimu berubah menjadi luar biasa.

Aku leka mentelaah puisimu
memang indah tiada terkata
seakan bicara seribu bahasa
terungkap santun penuh makna.
Mengapa kini harus dihargai
kerana engkaulah
membuat kami tersedar lagi

tersentuh hati mengenang budi.
Jika boleh kuputarkan waktu
ingin aku berguru denganmu
kan kucintai madah bestarimu
kurakam potret wajahmu
menjadi obor agar dapat
membakar semangat hidupku.

Andainya bulan retak seribu
kaca berderai luka
tertusuk seluruh jiwa
puisimu nan indah
madah berbunga
manis kata-kata menjadi penawar
luka dan resah yang ada.

Kita bermula dan berakhir di sini
namun segala ingatan
kepadamu kekal abadi.

Kasih sayang setiamu
pada nusa dan bangsa
pada agama juga bahasa
menjadi ilham kepadaku
anak muda yang akan mewarisi perjuangan
memartabatkan jati diri Melayu
demi nusa
dan bangsa tercinta.

Seremban

Maizatul Munira

Pendeta Pertama dan Terakhir?

Hadirmu ketika bangsa Melayu semakin layu
cendekiawan terulung
menabur jasa membangkit semangat
demi bangsa tercinta.

Engkau yang bergelar pendeta
kerana perjuanganmu
di persada bahasa, ilmu tercurah
perkasalah bangsaku dengan ketinggian ilmu.

Dari SITC ke Pejabat Karang-mengarang
menyerlahlah kebijaksanaan anak Melayu
satu-satunya yang bergelar pendeta
mengukir jasa sebagai pejuang bahasa.

Impianmu Za'ba
agar Melayu bangsa bertaraf
kritikanmu tidak terbatas
keberanianmu tetap berbasas.

Daripada bahasa ke medan politik
sosiobudaya, ekonomi, kau pemikir bangsa
bangsa yang miskin harta,
sikap dan pengetahuan agama.

Za'ba, jasa dan baktimu tersemai
hidup subur jati diri Melayu
biar zaman berganti zaman
kejayaanmu membawa seribu makna.

Za'ba, pendeta yang ternama
pembangkit semangat Melayu
intelektual dan pejuang bangsa
yang berjuang dengan mata pena.

Mohd. Arham Han b. Amerudin

Pendeta Za'ba

telah kaulalui detik-detik cabaranmu
keringkat dan usaha menjadi liku-liku
namun takdir penentu segala kejayaan
jasamu tidak ternilai harganya.

jasamu antara pengorbanan dan maruah
kaucurahkan bakti membina akhlak dan maruah
mengisi kekosongan jiwa manusia
agar tidak hanyut ditelan ombak mabadai.

bahasamu umpama kerlipan api
menerangi dada menghilangkan kabut malam hari
menghidupkan tinta-tinta bahasa warisan
agar menjadi warisan sepanjang zaman.

tajam mata penamu menghiris
mengalirkan darah percikan semangat
dalam mengisi segenap kekosongan
membina sebuah peradaban dan pembangunan.

keheningan malam semakin menyinar
sekiranya dirimu dibangunkan kembali
menjadi saksi arus globalisasi ini
sudah pasti kausyukuri penat lelahmu.

ilmu baktimu direnung jauh
dikagumi seluruh warga alam terbentang indah
ilmumu membakar kegelapan
air matamu melahirkan ketakwaan dan kesedaran.

di mata dunia kau unggul dan sejati
meninggalkan madu dikecapi seluruh insan
termaktub kenangan lalu yang mengisi sejarah
namamu terus harum meniti zaman.

Mohd. Hanafi b. Saat
Pahlawan Bangsa

Lahirnya seorang insan di hujung negeri
hadirmu membawa sinar gemilang
mendaulat bahasa menyeri bangsa.

Za'ba
keringat yang kautitiskan takkan hilang ditelan
zaman
perjuanganmu membangun jiwa bangsa bebas
merdeka
keris bahasa ditusuk ke jiwa jelata
hilang jiwa hamba, bangkit jiwa perkasa
perisai bahasa menghalang si putih.

Za'ba
kau menongkah lautan modenisasi
mendaki puncak kebebasan hakiki
meredah semak perkauman
memanjat keinginan melahir bahasa mengerat
perpaduan.

Za'ba
ilmumu penuh di dada
mencurah bakti pada watan tanpa dipinta
jasamu bertakhta di sanubari.

Za'ba
dirimu hilang dirahap bumi
namun curahan pahlawan yang berjuang dengan
pena
tersohor dengan gelaran pendeta
menyahut dan menyambung wasiat si Tuah.

Pedas

Mohd. Izzuddin Haffez b. Mohd. Zahar
Catatan Buat Pendeta

Sejak namamu menggetar rasa
kutanyakan pada bayu, pada laut
pada sumur, padang dan pepohonan
siapakah dikau sebenarnya?

Kusingkap sejarah perjuanganmu
dari tarikh keramat 16 September 1895
kecintaanmu pada bahasa ibunda
pada bahasa syurga, payung agama
tiada taranya.

Sejak di English College
bakat dan daya ciptamu mula terserlah
kaumula bicara
tentang bahasa, tentang nahu, tentang pendidikan
tentang anak bangsa.

Cintamu pada anak watan melewati batas-batas
biasa
di Maktab Melayu Kuala Kangsar
di SITC Tanjung Malim
kau tidak henti menabur budi,
buat anak-anak peribumi
yang masih kurang mengerti harga diri
sebuah bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Kutatapi Al-Ikhwan dan Majalah Guru
kausedar anak bangsamu yang sangat dahagakan
ilmu
kaugigih menerbitkan buku-buku baru
kauterjemahkan buku-buku sekolah Melayu
membantu anak-anak bangsamu yang tidak tahu.

Ketika negaramu kegersangan tokoh berwibawa
ketika negaramu kekeringan intelektual Melayu
kaumuncul sebagai pelita yang menerangi
bangsamu ketika itu.

Segala hasilanmu, sering menjadi panduan
buat bangsa Melayu

Canai Bacaan

Ilmu Bahasa Melayu

Ilmu Mengarang Melayu

Pelita Bahasa Melayu I, II, III

masih terus dibaca.

Tetap diguna ahli bahasa semasa
engkaulah pengangkat martabat bahasa ibunda
yang pernah gah sebagai 'Lingua Franca'
yang pernah merentas samudera raya.

Jasa dan budimu tidak terkira
kau bukan sahaja pelopor bahasa
kau juga sering bicara tentang ekonomi
kemiskinan bangsa dan soal adat
kepercayaan karut masyarakat
sering kaukritik hebat
dengan satu niat
agar bangsamu lahir sebagai bangsa berdaulat.

Namamu akan terus terpahat
Jabatan Karang Mengarang, SITC
Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya
adalah buah cintamu pada bangsa.

Fatamorgana di teratakmu menghangatkan lagi
rinduku
pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu
menganugerahkan gelaran PENDETA buatmu

namun aku tahu
jasamu tiada tara
tidak mampu diniali dengan harga
kau sebenarnya mutiara berharga
kaulah pelita bangsa
kau juga adalah legenda negara.

Seremban

Mohd. Rafizan b. Md. Hakim

Pendeta Tercinta

Kau pejuang maruah bangsa
menempuh pelbagai cabaran dan dugaan
kau sanggup hadapi semuanya
demi pertahankan maruah bangsa
kaulah pendeta bangsa tercinta!

Kau sentiasa mencari kemenangan
antara sejuta garis yang melintang
dengan warna keimanan yang kental
kau sanggup menghadapi semuanya
menyelamatkan bangsa daripada terpenjara
kaulah pendeta bangsa tercinta!

Meski hangat bumi yang kaupijak
tidak tertindas segala hasutan
menghimpun hasrat dan keberkatan
mencipta keserasian dan keakraban
kebenaran tidak mungkin dilukakan
dalam jiwa bangsa negara

Sebagai seorang insan biasa
mempunyai kelebihan tersendiri
untuk menghidupkan bahasa bangsa
membuahkan mimpi yang manis
sebagai bahasa rasmi negara
yang mempunyai kelebihan tersendiri
secara tersirat dengan penuh makna!

Sebagai penyelamat bahasa bangsa
dapatku rasakan amat berharga
untuk bangsa demi negara
walaupun jasadmu hilang di dunia
namun jasamu sentiasa dikenang
kerana kaulah pendeta bangsa tercinta!

Mohd. Saiful b. Salim
Perwiraku Pendeta Za'ba

Kerajaan Melaka yang gagah
pelosok nusantara menjadi sebutan
tetapi, tamak haloba menguasai badan
Benggali putih mengintai peluang
menerjah Melaka yang sedang tegang.

Penjajah datang silih berganti
anak watan diperhambakan
hidup dalam kegelapan
deritalah anak watan di negaranya
kekayaan negara dilarikan orang.

Semasa kegelapan menyelubungi watan
nur muncul membawa harapan
dalam kegelapan penjajahan
Pendeta Za'ba yang dinantikan
telah pun di depan mata.

Ketokohan dan keilmuan jadi panduan
anak watan terima kebaikan, berkat tokoh ilmuwan
Sejarah, Bahasa, Politik, Kesusasteraan, Budaya
ubat anak bangsa terjajah
memusnahkan bakteria penjajahan.

Kini, anak watan telah merdeka
hasil keringat Pendeta Za'ba
yang menggunung harapan
mahu anak bangsa berjaya ...
keluar daripada kepompong penjajahan.

Pendeta Za'ba - keilmuan dan ketokohan
Pendeta Za'ba - bahasa, bangsa dan kedaulatan
Pendeta Za'ba - jasamu terus dikenang!

Mohd. Zulhairi b. Zulkifli

Pendeta Za'ba

Lahirmu

bagai sebutir permata

yang tiada tolok bandingnya

bakat dan kebolehan tidak kaupersiapkan

kaulah pemartabat

bahasa kita

bahasa Melayu.

Kegigihanmu meletak bahasa Melayu

setaraf

setanding

selengkap bahasa asing.

Kini, bahasaku dikaji

dipelajari

malah dilagukan

dipuisikan.

kajianmu menjadikan bahasa Melayu

bahasa baku

bahasa standard.

kaumemperkasa bahasa

kaumemperkasa bangsa

maju bahasa majulah bangsa.

Gemas

Muhammad Azree b. Abd Aziz

Hilangmu Tiada Berganti

Hilangmu tiada berganti
nama yang masyhur hampir dilupakan
tanggal 16 September 1895
Batu Kikir saksi pertama.

Pendeta,
kebun pisang laman istanamu
daun pisang rakan karibmu
dikau mula mengorak langkah
mengharungi rimba harimau jadian
sekolah Melayu tempat bermula
Kuala Jempol destinasi pertama.

Pendeta,
kelas yang sepi dudukmu seorang diri
papan batu setia di sisi
beralih pula ke St. Paul's Institutions
seterusnya ke univerisiti London
menjejakkan kaki.

Pendeta,
seluruh pencinta bahasa, penggemar sastera
rakyat jelata mengenalimu
suaramu emas, fikiranmu tajam
kesabaranmu kekal, keimananmu ghaib
dan sumbangan tidak boleh dinilai.

Suaramu emas,
gelombang suaramu di seluruh angkasa
School of Oriental and African Studies
dan Universiti Malaya
kata-katamu bagaikan berjilid-jilid

tebalnya ilmu yang ada padamu
membuatkan penuntut tidak lupa.

Fikiranmu tajam,
mengkritik kata ulama hanya berkaitan
pengertian 'takdir' malah akhirnya
Sultan Perak menjadi benteng impian
engkaulah radikal.

Kesabaranmu tebal,
sentiasa tabah dan sabar mengharungi
onak dan ranjau kepahitan
dengan kenyataan geniusmu ditolak
oleh ulama konservatif
malah engkau tetap akur dan reda.

Keimananmu ajaib,
sembahyang sukar ditinggal biarpun
dikelilingi oleh mubaligh Kristian
Rom Katolik
puasamu sempurna biarpun memerah
keringat dinihari.

Dan ... sumbanganmu tidak boleh dinilai
membuatkan engkau berjaya mencapai
impian karyamu unik yang banyak
berkaitan dengan linguistik, antropologi
dan sosiologi
kerana itu Doktor Kehormat gelaranmu.

Kini hampir 28 tahun namamu di
'batu nisan'
1974 berakhirilah riwayatmu pendeta
biarpun begitu
dikaulah pejuang bahasa yang menyemarakkan
lilin bahasa Melayu

tapi ... nama dan potretmu sahaja yang
hidup kerana
hilangmu tiada berganti.

Seremban

Muhamad Hanapi b. Jamaludin
Pendeta Za'ba

Za'ba
lahirmu ibarat pelita
yang menerangi seluruh maya
kudratmu selama ini
dikenang kawan dan lawan
dikenang bangsa dan warga.

jasamu nan mulia
menaikan pedoman bangsa
agar tidak tertindas
oleh anasir-anasir asing
yang ingin menawan nusa.

Karyamu selama ini
menjadi inspirasi rakyat
untuk mengadaptasikan kemerdekaan
ditanah tumpah nusa dan bangsa.

Kini, Malaysia sudah merdeka
namun orang yang meniup
semboyan kemerdekaan
tak kunjung tiba
tanggal keramat 31 Ogos
menjadi kebanggan.

pergimu tiada pengganti
tempangnya sebuah bangsa
tanpa tonggak negara.

namamu disanjung
terpahat dalam sanubari rakyat
sebagai permata negara
sedekad sebelum merdeka.

Noor Rafidah bt. Hamid Dol

Peniti Bangsa

Za'ba, kau perwira warisan bangsa
mata penamu halus terpancar
di sebalik himpuna kemarau
sumber inspirasi anak watan.

Za'ba, keindahan ocehan di muka helaian
membuka mata telinga bangsa
penghibur duka lara terpendam
kehijauan melambai-lambai kemegahan.

Za'ba, kuberbangga punyai cendekiawan
termasyhur
walau di pondok buruk ini
pelabuhan impianku tersergam indah
gunung harapan tinggi menjulang.

Za'ba, kau pencetus ilham muda
karyamu meniti di bibir anak seni
jua tersohor di serata dunia
kerana dirimu punya keistimewaan.

Za'ba, kutitip detik-detik silammu
kuturuti semangat juangmu
jua kusimpan di hati ini
dirimu pendidik terbilang.

Za'ba, kaulayarkan bahtera ilmu
pada anak watan tanpa jemu
titisan peluh jantan yang mengalir
membasahi bumi membawa seribu erti.

Za'ba, walau dirimu kini tiada
namamu tetap di sanubari
perjuanganmu masih dikenang
kerana kau peniti bangsa wawasan negara.

Noorhanis bt. Zainuddin

Pendeta Za'ba

Za'ba,
pendukung islah dan reformis
keberanian menegur sikap guru-guru agama yang
kolot
sanggup menerima protes dicap sebagai kafir
namun, ajaran suci Rasulullah tetapi kau patuhi.

Za'ba,
namamu termasyhur
sebutan sekalian khalifah di bumi tercinta ini
terkenal kepakaran bahasa murni budi pekerti
mengubah corak warna-warni kehidupan
lambang keperibadian utuhnya pemikiran.

Za'ba,
seorang pendeta memperkasakan bahasa dan
sastera
engkaulah pemukul rebana kalbu masyarakat kita
ciptaan bahasamu yang indah
menjadi pegangan sejak sekian lama
Ilmu Bahasa Melayu, Ilmu Mengarang Melayu, Pelita
Bahasa
itulah karya terunggul
membuka mata menjana minda.

Za'ba,
sering meniup kesedaran ke arah kemajuan
sering memperlihatkan bahasa puisimu yang indah
laksana sekuntum bungan mekar di taman
keangkuhan karyamu tak lapuk dek hujan
tak akan lekang dek panas.

Za'ba,
unggulnya Pelita Bahasa gubahanmu
menjadi kebanggaan seluruh pencipta bahasa
menjadi ilham pedoman para pejuang bahasa
keagungan nahu bahasa mempesona menusuk
kalbu
tak lapuk ditelan zaman.

Za'ba,
pemikiranmu antara intelektual tiada tolok
bandingnya
luasnya pemikiranmu bagaikan lautan luas
terbentang
gabungan karya Pelita Bahasa terdahulu
memancarkan sinar mentari di waktu pagi
menerbitkan keindahan Pelita Bahasa, berkilau
sinarnya.

Za'ba,
Pelita Bahasa karya keagunganmu
pantun, syair, gurindam seloka
sering terungkap dengan kata mudah mengasyikkan
kaedah nahu, konsep utama linguistik
kaucoretkan, kaubakar setiap pelita
yang menanti kehadiran cahaya.

Za'ba,
akan kami sematkan di dada
akan kami agungkan pada generasi muda
segala pengorbananmu menerbitkan karya
mengagungkan bahasa
walapun dunia lain berubah.

Tampin

Norfariana bt. Abdul Rahim

Za'ba Pejuang Bangsa

Lahirmu,

tanggal 16 September, 1895

penuh keramat memukau persada
lambang kemegahan anak bangsa ...

Kaulah penjuang bahasa ibunda
jasamu gah di mata dunia
mengangkat martabat ilmu,
sosial dan politik bangsamu.

Biarpun banyak cabaran dan dugaan
kaurela tempuhi
berkat aliran ketabahan
pebuh kesabarn nurani.

Za'ba,

sifatmu nan holistik dan aktivis pro aktif
senantiasa mencari jalan
demi kemantapan bangsamu, Melayu!

Biarpun, nafas sudah lama terhenti
kau bagai lilin menerangi insan lain
tanpa mengharap balasan duniawi.
Nah! ... Kau tinggalkan kami hasil karyamu tertinggi.

Kaulah, idola pertiwi
namamu manis di bibir jadi sanjungan
biarpun jasadmu telah lama meninggalkan kami
dari bumi bertuah ini.

Kaulah ... Za'ba,

pejuang bangsa anak merdeka
pencanai minda bahasa ibunda
semoga jasadmu dikenang selamanya.

Norkamalia bt. Baharum
Za'ba Dalam Kenangan

Tarikh keramat, 16 September 1985,
kelahiranmu duhai putera berjasa
menggegar Tanah Melayu tercinta
dengan bicara bahasa ibunda.

Di rumahmu, didikan bermula
ketekunan dan kegigihan kauadun bersama
hingga bergelar pelajar Melayu utama
tanda bukti kita jua mampu berusaha.

Biar larangan keras ayahanda tercinta
namun keras hati kecilmu
menyambung pelajaran tanpa jemu
demi cita-citamu di bidang ilmu ...

Bila cita-citamu telah bisa digapai
kaulah penterjemah dan penerbit gemilang
kalammu menukulkan kenyataan
untuk merubah keserasian berbahasa.

Za'ba, kaulah cendekiawan unggul
bidang penulisan halaman hidupmu
penuh ketabahan, memikul cabaran
demi keanggunan martabat bangsamu terjulang.

Za'ba mekar namamu dalam sanjungan
hasil karyamu menggarap harapan
tanpa tertupa wadah keimanan
merona kebatilan dan kejahilan bangsamu.
Segala khidmatmu adalah penghargaan,
terpahat kini jadi tatapan
di teratak ini, mekat tersimpan
zaman-berzaman jadi kenangan.

Za'ba, kau tetap dalam ingatan,
hasil karyamu tidak dilupakan
biar pemergianmu beralih zaman,
hadiah Al-Fatihah ... untukmu tetap kukirimkan.

Seremban

Norsharydatul Eliza bt. Sulaiman
Pendeta Za'ba

Wajahmu terus tersenyum
persis himbauan wajahmu bersinar
walaupun zaman silih berganti
engkau tetap idola di hati.

Kaupergi setelah berjasa
ibarat matahari menerangi manusia
cukup besar segala jasmu
kuhargai selagi hayat masih ada.

Setiap bait kata yang kaucoretkan
mampu menggegarkan dunia ilmu
tidak terbanding segala ciptaan
kan kuhayati penuh perasaan.

Dikau pencetus idea bangsa
perintis kegemilangan bangsa kita
untuk menengakkan ilmu bangsa
bagi mencapai harapan negara.

Kau bak bintang berkerlipan
amat berharga dan tidak ternilai
kucuba menggapai
menyusuri ranjau penamu.

Kau kujadikan setiap karyamu
sumber ilham pencetus mindaku
baktimu tanpa menuntut balasan.

Agar kau dirahmati di sana
pengorbananmu tidak bertepi
menjadikanku lebih mengenali
erti bangsa dan bahasa.

Norzihan bt. Husin
Pengorbananmu Za'ba

Za'ba ...
dengan lahirnya kau di bumi nyata
pembaharuan kaupamerkan
tatabahasa Melayu mendalam dan lengkap
sarjana Melayu pertama kauhasilkan
walau dengan dara keringkat.

Lahirmu pada 16 September
1895 tahun kelahiran
dilahirkan oleh bonda tercinta
Intan Awaluddin gerangnya
dengan nama Zainal Abidin bin Ahmad.

Kerana bangsamu kau berjuang
gelaran dan pangkat bukan ukurannya
kesihatan dan letih tidak dihiraukan
walau kau diserang penyakit bahaya
namun kau tetap berjuang
bagai lilin yang membakar diri
demi bangsamu di sama depan.

Walau tiga tahun dibuang ayahmu
walau terpaksa menempuh onak dan duri
tetap tabah belajar di sekolah Inggeris
yang menjadi punca kemarahan ayahmu
demi keunggulan bahasa Melayu
agar tidak ditelan zaman.

Pemergianmu pada 23 Oktober 1973
amat menyedihkan kami bangsamu
Teratak Za'ba kami dirikan
lambang kebangggan terunggul
demi mengingati perjuanganmu

sebagai inspirasi mencapai kemajuan
mahupun jati diri.

Kau pendeta Melayu termasyhur
kisahmu kami abadikan agar tidak luput
dek zaman yang semakin maju
kisah dan perjuanganmu Za'ba
menjadi inspirasi generasi kini.

Jempol

Nur Aimi Hakimah bt. Md. Fiah
Pendeta Za'ba

Namamu
Zainal Abidin bin Ahmad
kau dikenali Za'ba
kaulah pejuang bahasa
mengharumwangikan bahasa Melayu.

Lahirmu
bagai telah tersurat
di dalam loh mahfuz
telah ditentukan-Nya
kau pembakar semangat pencinta bahasa.

Betapa jerih dan payahnya
untuk kaumemartabatkan bahasa tercinta
bahasa ibunda
bahasa perpaduan
bahasa penyatuan.
Pengorbananmu
tidak pernah luntur
tidak pernah terkubur
dari kotak ingatan kami
generasi kini
pewaris bahasa
pewaris bangsa.

Za'ba
kau pencerna jati diri bangsamu
hikmahmu kini Malaysia
aman dek kerana satu bahasa.

Perjuanganmu kupertahankan
jejakmu kuikuti
kaulah idolaku
pembakar semangatku.

Za'ba
harimau mati meninggalkan belang
pergimu meninggalkan nama
nama yang menjadi ingatan
sepanjang zaman.

Gemas

Nur Amalina bt. Tajudin

Pendeta Za'ba

Lahirnya dia satu anugerah
menciptakan satu revolusi
dalam era pendidikan
umpama himpunan cahaya nan gemilang.

Mata penanya tajam melakar
identiti bangsa dan intelektual
sentuhan pemikirannya
penyumbang ke arah ketamadunan
anak bangsa dan juga nusa.

Di bidang pendidikan dia berdiri
melakar bahan mentari
yang terbit dari lubuk hati
untuk bersaing dengan warga dunia
menyemarakkan harum ibu pertiwi.

Tiada terbalas segala usahanya
tiada terbayang Malaysia tanpanya
tokoh satu dalam sejuta
kemilau permata di lautan sepi
menyuluh seri permukaan.

Bagai kerdipan bintang di angkasa
taburannya memukau insan nan lara
dialah pengangkat martabat bahasa
Melayu unggul seluruh buana.

Selagi hayat dikandung badan
itulah janji kesinambungan juang
demi membina generasi mantap hari ini dan juga
muka
sebagai tunggak kegemilangan negara.

Walau kini dia telah pergi
semangatnya tetap satu inspirasi
idéanya satu masa depan
dialah penjulang nama bangsa
dialah penyinar martabat negara
dialah tokoh emas negara
dia ... Pendeta Za'ba
yang satu dalam sejuta.

Port Dickson

Nur Izzati bt. Ismail

Pendeta Agung

Bugis-Minangkabau keturunan agung
16 September 1985 menjadi sejarah
penantian Batu Kikir tidak sia-sia
tempat lahirnya seorang pendeta
bakal memberi nama
untuk pekan tanah tumpahnya kasih
menjadi kenangan sepanjang hidupnya.

Di sini bermula
satu titik seribu jasa
walau pedih tetap diharungi
ayahanda tercinta memberi petunjuk
mengaji al-Quran langkah pertama
seorang pendeta mengatur fikiran
biar tersalah jangan bersalah
akhirnya berjaya mencari nama.

SMBK sekolah pertama
tempatny menuntut ilmu untuk bangsanya
untuk kebaikan di masa hadapan
anak bangsa tidak dilupakan
walau perit halangan menimpa
jasanya tidak akan dilupakan
untukmu pendeta agungku.

Pedas

Nur Sahira Nordin

Bunga Bangsa

Kelmarin masih terasa
titis-titis embun pujangga
mewarnai hidup tatkala tiada
melemasi cita di kala lena.

Sayup-sayup kedengaran tangisan
anak-anak kecil yang baru bangun dari lena yang
panjang
lalu ditiupkan semangat tanpa jemu tanpa ragu
bersuara lantang mencetus rasa.

Aduhai anak bangsaku
bangkitlah segera dari tidur lenamu
kerana masih belum kaurungkai bait-bait nukilan
khazanah buatmu jangan kauleka.

Janji-janji yang dikota membawa berita baik buat
semua
calitan pena halus mengungkap makna kebebasan
kritikan yang berbisa
membuka pemikiran kolot orang lama dari terus
belunggu lena ...

Jangan diabaikan ... jangan leka
kerana ilmu itu berguna
walau sekelumit rupa
namun itu harta yang tertinggal buat warisan kita ...

Siapa tak kenal padanya
siapa tak tahu asal-usulnya
apa perjuangannya ... apa motifnya
perjuangan kesusasteraan tak berkesudahan buat
bangsanya.

Tapi kami sedih, kami sayu
pemergianmu kepada Pencipta
membuat kami terharu
namun kami bangkit semula
berbekalkan dengan khazanahmu
yang tidak terbilang
namamu masih terngiang-ngiang
wajahmu masih di gema minda
suara yang lantang menjadi
semangat bagi generasi sekarang
apakah bisa kami teruskan perjuanganmu.

Rembau

Nur Zuhaili bt. Razali

Secangkir Ingatan Buat Pendeta

Dalam tenang dalam rawan
mengukir janji termetri cinta
Ahmad dan Intan insan berjasa
16 September 1985 di Batu Kikir,
Zainal Abidin lahir

Suatu nama yang menyerlah
ketokohnya di persadanya
diasuh, dididik dengan agama
agar bisa membawa cita murni
sang ayah, menjadi ulama ...

Persekolahan tinggi dititipkan
Inggeris dan Arab diselami
riwayat Islam dikaji, dikritik
dalam erti kata takdir
pengadun teori dan realiti ...

Ke negara Temasik jua berjasa
mana bisa Jepun melanda
terus jua penyampaiannya, kata-kata diawasi
buku-buku terus dikarangi
anak-anak negara dididik kembali
menjadi pensyarah sering dihormati.

Malah menyemarakkan lagi
sehingga gelaran diberi
pendeta dan doktor kehormat
mengiktiraf kewibawaan.

Nurul Aida Nazieli bt. Sabtu
Pelita Negara

Tanggal 16 September 1895
tangisanmu mengisi ruang angkasa
terukir senyuman penuh bangga
seorang ibu dan ayah.

Lahirmu membawa sinar
kau mencipta sejarah sebagai cendekiawan Melayu
pakar sosial dan politik yang dihormati
penamu menghasilkan karya yang prolifik
membina dan membakar jati di dada bangsa.

Keesaan Allah menjadi peganganmu
tidak berbelah bagi ketaatanmu
ingin mengembangkan sinar Islam
mencapai makam tertinggi di sisi pencipta.

Karyamu menjadi tatapan
dari generasi ke generasi tidak rapuh
bahasa Melayu terus kami diperjuangkan
menjadi agung di serata dunia
seperti yang kauimpikan.

Pedas

Nurul Safiah bt. Zaim

Za'ba

Zainal Abidin Ahmad
cukup intim dihatiku
cukup rapat di jiwa teman-temanku
cukup subur di mata rakyat negara
sinonim dengan gelaranmu
Pendeta Za'ba.

Siapa yang tidak mengenalmu
tokoh bahasa
yang telah memartabatkan
bahasa ibunda
ke setiap pelosok dunia

Za'ba
kau adalah contoh yang patut dikagumi
tidak jemu-jemu berusaha
demi
bahasa ibunda yang tercinta
walaupun
kau pernah tersungkur dek
panahan Kolonil Sang Penjajah
namun
kau tetap cekal dan tabah
mengharungi tiap onak dan liku.

Za'ba
bangga sungguh bondamu
riang benar ayahandamu
tersenyum melihat kejayaanmu
langkah demi langkah
akhirnya
namamu masyhur di hati

Akhir riwayat sedih pilu
termaktub di tahun 1974
bertepuk utuh pasakmu teguh
perginya seorang pendeta
yang tinggal cuma nama ...

Seremban

setiap anak watan.

Za'ba

terima kasih daun keladi

terima kasih kami sembahkan

keranamu bahasa kami megah

di mata dunia

keranamu jua kami bangga menjadi

anak Malaysia.

Pedas

Oumi Azzahra bt. Zainudin

Dalam Kenangan

Lahirmu menjadi pelita harapan
perjuanganmu melambangkan perpaduan
kewibawaan terserlah nyata
jasamu tinggi menggunung
dirimu dikenang bersilih zaman.

Za'ba

tuan mengenal lebih banyak kepedihan
kemewahan disingkir ke tepi
bangsa Melayu tuan teliti
"aku harus buat sesuatu
anak bangsaku kian terancam"
kata-katamu menjadi azimat
buat kami anak bangsamu.

Harapanmu tinggi melangit
ingin menggapai awan-awan kejayaan
segala khidmat penuh jerih
keringat tubuhmu dari saat muda
hingga ke senja usia diragut
demi bahtera keramat bangsa
kekal menjunjung keagungan mulia.

Anak Bugis Linggi kian menebar sayap
jalan bengkok menjadi tapak mula
memukau, merasuk anak muda
menyalur jarum pusaka penawar derita.

Jasamu tiada tandingan
mengharum nusa ke persada dunia
di sini tubuhmu tidak sempat mengenal tua
kehilanganmu ditangisi

bagai mendayung di lautan tak bertepi
mengisi kekosongan perjuangan menegak
keampuhan.

Pedas

Rosmawani bt. Mustapha

Pendeta Za'ba

Bumi Batu Kikir

disisimu dahulu lahirnya putera kerdil

berjiwa besar

bersemangat kental

gelarnya pendeta Za'ba.

Kini,

segalanya hanya tinggal kenangan

yang tinggal hanya sebuah nama

jasa dan pengorbanan yang tiada ternilai.

Zainal Abidin

itulah namamu yang kian pudar

tenggelam oleh kebesaran

lidah dan pena pendeta Za'ba.

Pendeta Za'ba

pergimu ibarat hilangnya

sebutir mutiara di dasar lautan

umpama padamnya

sebutir bintang di langit

tiada gantinya

pergimu meninggalkan nama

dalam sejarah bangsa.

Pendeta Za'ba

akan aku teruskan

perjuanganmu mendaulatkan bahasa

ingin aku jadi dirimu

Pendeta Za'ba.

Jempol

Satene bt. Shaharudin

Patriot

Tanggal 16 September 1985
lahirlah mutiara di bumi tercinta
mengukir tinta sejarah berzaman
terpateri indah namamu Za'ba.

Anak Melayu jati istimewa
gigih berusaha menimba ilmu secepat
kerana pada bicaramu
kemiskinan itu berpunca daripada
kemiskinan ilmu pengetahuannya.

Perjuanganmu tiada noktah
menanamkan kecintaan terhadap bahasa
bersama menggaris nahu bahasa
oh! cukup besar lagi bermakna buat bangsamu.

Karya keramat dianggap klasik
Pelita Bahasa Melayu, Chanai Bachaan, Ilmu Bahasa
Melayu
mengisi kekosongan di ruang waktu
demi mendaulatkan bahasamu.

Kaulah patriot, nasionalis Melayu
berjuang bersama mata pena
menyorot realiti peribumi
yang terasing di bumi sendiri.

Kau menyulam liku dan ranjau
hampir sendirian menerima cemuhan bangsamu
penjajah mencurigai langkahmu
kerana semangat nasionalismemu.

Patriotku,
usahamu tidak sia-sia
jasamu tidak terkira
walaupun terpahat Pendeta di gerbang sejarah.

Pemergianmu penuh dengan pengertian
bangsamu terhutang budi denganmu
sumber ilham, umpama pelita yang mengerdip
semoga kau dirahmati Allah.

Tanjong Ipoh

Sharifah bt. Sulaiman

Bahtera Seorang Pendeta

Di rimbunan pohon ilmu
kaubajainya dengan sentuhan nurani
di samping belaian kececalan
mengharungi detik-detik perjuangan.

Keindahan panorama pagi
terserlah kesaktian mata penamu
terhambur curahan ilusi
di lembaran karyawan sastera.

Kini, genre-genremu terhampar luas
ocehan di helaian membisu
mendandan di mata dunia
dengan wadah kemuliaan dan kemanusiaan.

Lalu, pada malam gerhana memancar
ternobat dirimu gelaran pendeta
Doktor Persuratan mengiringi
Bintang Pangliam Mangkin Negara.

Namun, yang pasti dirimu tetap dirimu
lahirmu penyinar alam saujana
dan kau penyeri igauan ngeri
bertandang membawa penawar duka.

Walau berkurun dirimu menyepi
terkatup sejarah panorama
terkunci syahdu di buaian rindu
pohon itu tetap memberi layanan.

Membuahkan keintelektuan nan luhur
penyuluh gelita dan obor tersohor
di kala malam gelap menjelma
kemarakan api menyala jua.

Siti Hashzeyana bt. Mohd. Yasim

Coretan Buatmu Za'ba

Terakam indah tarikh keramat
16 September 1895, di bumi beradat
Batu Kikir tempat bermula
di situ lahirlah seorang putera
gemilang namanya.

Zainal Abidin bin Ahmad
sinonim panggilan nama Za'ba
mendapat didikan cukup sempurna
mampu merubah minda anak bangsa.

Za'ba,
dewasanya engkau menjadi orang berguna
disanjung ramai dikenali semua
putera kebanggaan ibu dan bapa.

Politik, ekonomi, agama dan pendidikan
bidang yang engkau ceburi
lagi engkau jayakan
sebagai panduan anak bangsa mencapai kejayaan.

Za'ba,
'Pelita Bahasa' antara karyamu
menjadi inspirasi dan panduan semua
pencetus idea pemangkin ilmu
'Ilmu Bahasa Melayu', 'Rahsia Ejaan Jawi'
permata bernilai hasil keringatmu
termasyhur, tersohor, di seluruh negeri
membawa perubahan zaman
mengangkat martabat anak bangsamu.

1956,

tahun keramat buatmu Za'ba
detik itulah engkau digelar pendeta
kerana segala sumbangan yang telah engkau
curahkan.

Za'ba,

segala bidang yang engkau ceburi
hanya kerana anak bangsamu
niatmu tulus sesuci embun.

1974,

hilang sudah sebutir permata
tiada lagi kerlipan, tiada lagi cahaya
sebagai pelita menerangi bangsa.

Za'ba,

walaupun kini engkau tiada
namun jasa dan pengorbanan
tetap di ingatan
kerana engkau teristimewa.

Seremban

Siti Hawa bt. Md. Karim
Za'ba Bapa Pendidik

Za'ba
dari kecil hingga ke dewasa
tidak jemu mencari ilmu
tatkala penjajah datang bertandang
engkau tetap menimba ilmu.

Za'ba
walaupun kedua orang tuamu
menghalang mempelajari ilmu-ilmu dari Barat
tetapi engkau tetap dengan pendirianmu.

Za'ba
sebagai anak yang berwawasan
engkau lebih menaburkan bakti kepada tanah airmu
dengan ilmu yang penuh di dada
engkau memberi pendidikan kepada anak
bangsamu.

Za'ba
hasil-hasil karya yang engkau karang
kini menjadi bahan rujukan, pendidikan
dan memberi semangat
kepada anak bangsa cintakan negara
untuk mengenang jasmu
engkau telah dianugerahkan gelaran pendeta
dan Doktor Persuratan.

Za'ba
engkau menjadi kebanggaan negara
kini namamu hanya tinggal kenangan
walaupun engkau tiada lagi di dunia
tetapi namamu tetap meniti dibibir masyarakat.

Jempol

Di pagi itu di pinggir Sungai Jempol begitu bertenaga
dengan deru arus kesyukuran mengiringi kelahiran
seorang budayawan untuk satu keluarga takwa
kelahiranmu ditunjangi kalimah azan dan iqamah
dalam dakapan ayah yang sentiasa memanjatkan
kesyukuran dan disirami baja keimanan
lalu matahari pagi memancarkan sinar kegemilangan
dan udara menghembuskan roh kesucian selagu
merdunya gemersik angin.

Tok ayah, engkau ialah pelukis rohani
mencalit warna-warna takwa dalam diri
bermula dari alif menghafal dan menulis ayat-ayat
suci
mengimbangi antara akhirat dan duniawi
mencampak jauh-jauh kejahatan di dalam diri

Tok ayah, kegermalapan cahaya menyinari bangsamu
bangsa yang sering ketndusan
tanpa ubah rasa jiwa ... jiwa kosong ... lesu
luahan nuranimu kejam, maruah terhikis demi
bangsamu
namun bangsamu lesu, kebal dan keras hatinya
setiap langkah longlai dalam kelesuan
kalah dalam perjuangan ...

Tok ayah, engkau ialah pemikir yang tidak jemu-jemu
menyelusuri lumpur menyusun bunga-bunga kata
dengan susunan yang terpilih kesepaduan coraknya
hingga gelaran pendeta dikau terima
dek kerana perjuanganmu memartabatkan bahasa.
Namun penamu dikenang jua
dalam lipatan masa

diagung, dipuja, ditonton ...
bagi membina maruah bangsamu
sesungguhnya siratan hati dan pena terpahat padu
agar ribuan suara bangsa dipancar sinar sedar.

Tok ayah, kusemadikan nasihatmu di dalam hati ini
agar rebut pengetahuan, kejar kemakmuran
selama segalanya itu tidak mengganggu kita
dalam iman beribadah kepada tuhan.

Jemarimu yang mengukir penuh pengajaran
meninggalkan Pelita Bahasa Melayu
dan Kamus Bahasa Melayu
semuanya bagai menggugurkan
rintik-rintik hujan yang rahmat
akan kupaut kaki hujan tersebut
akan kudakap ia kuat-kuat
buat pedoman dalam kehidupan.

Tok ayah, tanggal dua puluh tiga Oktober
seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga
di hati anakdamu ini
mungkin berakhir cahaya tidak bertepi
bumi seakan kehilangan warna-warna pelangi
angin di udara turut bertukar kelabu
bagai langcai cakerawala yang sedih dan pilu
tiada lagi angin yang mengalunkan selagu merdu
semuanya meratap sayu pemergianmu
kerana pemergianmu kali ini
bukan untuk memperjuangkan bahasa dan bangsa
tetapi menghadap Tuhan yang satu.

Seremban

Siti Noraini bt. Jamaludin
Perjuangan Seorang Insan

Di sini bermula ...
kulayarkan ingatanku ...
kepada seorang insan
sambil mataku mengikut alunan ombak
angin terus menyeru
ombak menghempas lagunya
atas dasar Sunah Allah.

Kusingkap tirai sejarah
mengenang perjuangannya ...
yang menjadi bibit kisah
zaman nenek moyang
kebijaksanaannya, ketekunannya
ketabahannya mengharung onak duri
bersaing demi menempa
Malaysia oh Malaysia.

Di sini saatmu berdetik
Sebagai anak kampung negeri
Kabus gelap engkau redahi
Bersama ayahanda tercinta
Walau rautnya bengis membara
Kau kalut tapi akur demi harapannya
Takut dek panah amarahnya
Kerana ingin engkau jadi insan berguna.

Dirimu terus diasuh
dibajai oleh ayahandamu
didikan agama di akar minda
agar dedaunan ilmu falsafah, syariah
Feqah, Tajwid merimbun di hatimu
mematangkan dirimu sebagai pepohon
yang teguh berdiri
untuk bekalan di kemudian hari.

Kedewasaan usiamu ...
jelas kelihatan keistimewaanmu
kau menjadi kebanggaan
menggapai nama menjadi tokoh negarawan
mengharumkan nama Malaysia
merangkap gelaran pendeta
orang pertama mencatat nama
di persada ilmiah bahasa dunia.

Kegigihan usahamu ...
tidak mengira masa
sakit derita tidak kauendah
walau penawar telah sedia
cekal di hati terus bergelora
demi membimbing anak Malaysia.

Kau menongkah arus
berkejar ke sana ke mari
berkempen memperjuangkan nasib anak Melayu
walau dirimu
jenuh dicucuk duri kepenatan
demi kebahagiaan semua orang.

persoalanan bertali arus
kau insan yang kuat menepis masalah
tanggungjawab sudah terlaksana
tersenyum hatimu tidak tergambar
kegigihan anak bangsa terus membakar.

Noktahmu di sini ...
penganugerahan dari Malaysia yang tidak ternilai
bertakhta di atas mindamu
engkaulah anak watan Malaysia
kebanggaan Negeri Sembilan tanah lahirmu
digelar Pendeta Za'ba
engkaulah matahari anak bangsa.

Siti Sarah Razak

Pendeta Nusa dan Bangsa

Kedengaran sayup-sayup seruan azan dilaungkan
lahirnya seorang penghuni baru
ke bumi yang bertuah ini
di Negeri Sembilan tanah keramat.

Zainal Abidin nama diberi
harapan diletakkan menjulang tinggi
itulah si kecil yang bakal menggoncang dunia!

Zaman kecilmu telah berlalu
membawa kau meniti ke alam kedewasaan
dadamu penuh berisi ilmu
harapan berbakti telah tersemat
di dalam jiwa yang suci murni.

Za'ba
bermulalah zaman berliku-likumu
dihitung dengan hati yang tabah
pelbagai sumbangan telah kauciptakan.

1956 tahun bersejarah
pendeta bahasa diberi gelaran
dan ...
maruah Melayu kini terbela.

Za'ba
kau menaikkan semangatku, kesedaranmu
walaupun hanya dengan pena usangmu
hati kecil ini tetap tercabar.

Za'ba

penulisanmu membawa kau ke seluruh pentas dunia
kini Melayu
bukanlah pacal yang hina lagi
kerana kau ... insan yang berjasa.

Namamu disanjung, dikenang dan dikenali
orang-orang asing kini sedar akan hak dan
kepentinganku
sebagai pejarian di tanah air sendiri.

Kini

kau telah 'hilang' buat selama-lamanya
namun hatiku tetap mengengkanmu
yang berada jauh dipangkuan Ilahi.

Jasamu, pengorbananmu
tetap akan kukenang selagi hayat dikandung badan
kata-katamu akan kujadikan pedoman
yang kekal abadi sepanjang zaman.

Tampin

Yusneeza bt. Yazid

Pendeta Za'ba

Pendeta Za'ba
sudah hampir 29 tahun berlalu
dikau pergi meninggalkan anak bangsa
yang terkapai-kapai menagih perjuanganmu
untuk mencapai sinar kepastian dalam hidup ini.

Di ambang 16 September 1895
dikau lahir ke muara dunia
membangkis seribu satu sinar bahagia
kepada sekalian anak bangsa negara ini.

Pendeta Za'ba
seindah namamu, seindah budimu
perjuanganmu ...
memartabatkan budaya bangsa dan negara
akan tetap dikenang walaupun bumi dimamah usia.

Sastera, politik, sejarah, ekonomi, agama, pendidikan
betapa tinggi darjat ilmu di dadamu
setinggi langit luas terbentang
sebesar bumi yang terdampar.

Mata pena menari-nari riang gembira
di atas selebar warkah peneman setia
lemah-lembutnya tanganmu mengarang
segala luahan rasa diabadi bersama.

Semangat kental, jiwa tabah ...
menjadi penerang jalan hidupmu
semakin ligat engkau meneruskan perjuangan
untuk menggapai cita yang satu.

Walaupun kegagalan tiba-tiba menjengah tanpa diundang
namun, kaujadikannya landasan untuk kejayaan
berusaha, berusaha dan terus berusaha
segala onak dan duri dapat kauatasi.

Pendeta Za'ba
kubitkan rasa terima kasih kepadamu
kulahirkan rasa kesyukuran
kuabadikan perjuanganmu
demi kesejahteraan anak bangsamu.

Kuselak tirai jendela
membuka lembaran baru
moga anak bangsa meneruskan perjuangan
selagi hayat mereka dikandung badan.

Seremban.

Zulkefli Akmal b. Zainal Abidin
Pendeta Za'ba

16 September 1895
di bumi bertuah Batu Kikir
lahirnya seorang putera yang gah di Nusantara
bergelar Za'ba.

Zainal Abidin bin Ahmad
kau pejuang bahasa terulung
juga budayawan berwibawa
disanjung
namamu kebanggan bangsa
meniti dari bibir ke bibir
memartabatkan Melayu di persada dunia.

Sejarah menyingkap rasa
sanubari seorang bapa terdetik
menerima bisikan seorang anak yang dahagakan
ilmu,
kasih sayang,
kejayaan, saat demi saat dibaja
Sekolah Melayu Linggi
agama, jawi dan rumi pengajiannya.

kau pergi meninggalkan negara
untuk nusa
akhirnya berjaya
membawa Ijazah Sarjana Muda Sastera.

pandai bersastera
bijak berbahasa
arif dalam agama
menupkan semangat politik kepada nusa
demi bangsa yang tercinta.

berjasa memajukan bangsa
tokoh yang berwibawa
menyedarkan mana yang leka
kau sememangnya PENDETA!
bergelar
Doktor Persuratan dan Panglima Mangku Negara.

mutiara kata pemikiran berhemah tinggi
mengharumkan nama pertiwi
patriot bangsa terbilang
baktimu semerbak sepanjang zaman.

Seremban

**DHARMAWIJAYA PENERIMA
ANUGERAH PENYAIR GAPENA '99**
oleh: Hamzah Hamdani
Setiausaha Satu GAPENA

Hari Puisi Nasional adalah satu perhimpunan yang rasmi bagi para penyair nasional di Malaysia. Hasil daripada cadangan dalam Deklarasi Semantan yang dirumuskan pada Hari Puisi Nasional kesembilan pada 2-6 Ogos 1984, yang berlangsung di Semantan, Sarawak.

GAPENA mewujudkan Anugerah Penyair GAPENA sebagai tanda penghargaan kepada penyair yang telah menyumbangkan jasa dalam perkembangan genre puisi di Malaysia. Sehingga kini empat tokoh penyair telah menerima anugerah ini. Mereka ialah Kassim Ahmad (1987), Baha Zain (1988), Latiff Mohidin (1991) dan Jihaty Abadi (1996). Pada Perhimpunan Hari Puisi Nasional Ke-14 ini GAPENA memilih tokoh penyair kelahiran Negeri Sembilan iaitu Dharmawijaya.

Dharmawijaya, nama sebenarnya Kamaruzzaman Abdul Kadir, dilahirkan pada 23 Jun 1937 di Kampung Talang, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan awal di kampung kelahirannya, kemudian di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak (1953-1956), Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur (1960) dan Universiti Malaya (1973-1976). Beliau memperolehi ijazah Sarjana Sastera dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 1981. Beliau pernah menjadi guru bahasa dan kesusasteraan Melayu di sekolah menengah, pembantu penyelidik di Dewan Bahasa (1971-1972), pensyarah (1981-86) dan profesor Madya (1987-1994) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Sejak tahun 1995 beliau bertugas di Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Dharmawijaya mula menceburkan diri dalam bidang penulisan secara bersungguh-sungguh sejak

awal tahun 1960-an, iaitu ketika beliau menuntut di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Namun puisi beliau yang awal berjudul "Kerana Hati" yang menggunakan nama samaran K. Zaman, termuat dalam Bingkisan Angkatan Baru yang disusun oleh Jihaty Abadi dalam tahun 1956. Puisi beliau yang terawal menggunakan nama Dharmawijaya tersiar dalam majalah Mastika (Oktober 1962) berjudul "Anak Perantau"

Sehingga kini Dharmawijaya telah menerbitkan dua buah kumpulan puisi, iaitu Warna Maya (1974) dan Derita Buana (1992) serta menyelenggarakan antologi puisi Di Penjuru Matamu (1975), Lagu Kehidupan (1983), Bintang Mengerdip (1984), Bunga gerimis (1986), Puisi Sepanjang Zaman (1989) dan Gurindam Alam (1994)

Di samping itu Dharmawijaya telah menghasilkan buku-buku kajian puisi, iaitu Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden (1982), Tanggapan dan Kaedah Pengajaran Puisi (1987), Berkenalan Dengan Puisi (1987), Pemahaman dan Penghayatan Puisi (1992) dan Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran (1998). Dharmawijaya juga telah menghasilkan buku Intisari Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden (1987).

Dharmawijaya pernah memenangi Hadiah Karya Sastera dalam bidang penulisan pada tahun 1971 ("Sumpah Tanah Air") dan tahun 1976 ("Masih Ada"). Kemudian memenangi Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1982/83 ("Warga Petani"). Pada tahun yang sama beliau menerima Hadiah Sastera Malaysia untuk buku kajian berjudul Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden 1933-1957. Kemudian pada tahun 1993, Dharmawijaya menerima S.E.A Write Award daripada Putera Mahkota Maha Vajiroangkarn di Bangkok, Thailand.

Sebagai aktivis sastera, Dharmawijaya memberikan sumbangan yang penting dalam pembangunan GAPENA sewaktu beliau menjadi Setiausaha Dua

GAPENA daritahun 1974 hingga 1968. Beliau telah memberikan saham bakti yang penting selama 12 tahun dengan menggerakkan kegiatan-kegiatan GAPENA.

GAPENA menerbitkan kumpulan puisi Jejak Kembara (1999) pilihan puisi Dharmawijaya dari tahun 1963 hingga 1998, yang mengandungi 42 buah puisi. Kata Dharmawijaya, "Saya menulis dan menyuarakan pandangan hidup saya, untuk satu pengorbanan. Pengorbanan itu dimaksudkan untuk memberi pandangan hidup yang mulia, berasaskan kebenaran dan kejujuran saya sendiri. Kalau pandangan saya itu bermanfaat kepada pembaca, saya tidak mengharapkan sebarang balasan." (Ahmad Kamal Abdullah (ed), 1993. Jambak 2: Proses Kreatif Pengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 82).

Tahniah Dharmawijaya!



BIODATA

DHARMAWIJAYA (Kamaruzzaman bin Abdul Kadir, K. Zaman)

Lahir: 23 Jun 1937 di Kg. Talang, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan

Alamat: 31 Taman Rashidah Utama, Senawang, 70450 Seremban.

- Pendidikan :
1. Hingga Darjah VII Sekolah Melayu - 1952
 2. Latihan Perguruan, MPSI - Tanjung Malim (1954-56)
 3. Belajar persendirian lulus Sijil Pelajaran Malaysia
 4. Belajar di Maktab Perguruan Bahasa (1966) kemudian, Lulus Sijil Tinggi Persekolahan.
 5. Ijazah Sarjana Muda Sastera - Universiti Malaya (1973-76)
 6. Ijazah Sarjana Sastera - Universiti Malaya (1981)
- Pekerjaan :
1. Guru Sekolah Melayu di Seremban dan Jelebu
 2. Guru Sekolah Chi Hwa, Seremban (1961)
 3. Guru Sek. Men. Dato Abdul Samad, Tanjung Ipoh.
 4. Pensyarah Pusat Latihan Daerah (1966-67)
 5. Pembantu Sastera Dewan Bahasa & Pustaka (1971-72)



6. Guru Sekolah Menengah di Seremban 1973
7. Pensyarah Universiti Malaya.
- Karya : Warna Maya (DBP 1974), Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Moden (DBP 1982), Derita Buana (DBP 1992), Gurindam Alam (Masa 1994), Jejak Kembara (GAPENA 1999).
- Anugerah : S.E.A Write Award - 1993
 Anugerah Penyair GAPENA - 1999
 Hadiah Karya Sastera - 1971 dan 1976
 Hadiah Sastera Malaysia - 1982/82
 Anugerah Pujangga UPSI - 2002
- Kegiatan : Ketua I ISUM
 Setiausaha II GAPENA 1974-86

Dharmawijaya
Kampung Talang

duhai kampung talang
limpah budimu memangnya kusayang
sekadarkan di tiap ucap dan kenang
air mata ini sering berlinang.

betapalah tidaknya o, tanah kelahiran
yang mengenalkan erti hidup dan kehidupan
siangmu semakin mencemas harapan
malammu semakin menipis keyakinan.

pabila di tanah kasihmu yang wangi
menyapa tangis langsing seorang bayi
maka tentulah untuk besar dan dewasanya
bakal mengisi dunia petani ditembang sengsara.

kutau daerahmu bersungai susu
kutau di perut bumimu beremas-urai
sedang dipinta hidup kerabat karibku
cumalah bagai menadah embun berderai.

||
dan hari ini
atas nama kurnia plb
yang mengisi dan menempa
wajah baru daerah tercinta
hai, di sayap hidup ini
telah terasa
di kiri duri
di kanan api.

kerana dalam siapsedia
tempat tumpah darah ini akan bermahsuri bermalinja
o, di jalan yang masih hangat bermandi tar

telah gemuruh dan bergegar
jentera-jentera gergasi dari kota
datang menelan hasil belantara
milik berabadmu
bakal warisan kekasihku.
lantas di pagi petang yang berlalu
tinggallah para kekasihku
dalam setianya memandang debu!

III

duhai kampung talang
pada teguh tenangmu
menerima hari-hari yang pergi dan datang
pastilah ditidur jaga anak-anakmu
sayu matanya ke sawah ladang
pilu hatinya ke bukit berjurang.

Kampung Talang, 5 Jun 1967
Dewan Bahasa, Julai 1967
Jejak Kembara, 1999

Dharmawijaya
Warga Petani

Sepatutnyalah
hamparan kasihku
warga petani
kubentang di rumah relamu
selagi
ladang keringatmu
mengisi
lapar kenyang
siang malamku.

Selamanyalah
junjung hormatku
warga petani
kuletakkan di langkah setiamu
selagi
lelah budimu
menjadi
darah daging
gelisah hidupku.

Dharmawijaya
Di Bayanganmu

Ketika kulabuhkan hati
ke bendang sepimu
Kampung Talang yang kujeling
kutatap masih
di bukit berjurangmu
bayangan kasih
terdampar dilingkar kemarau
masa lampau.

Ketika kusentuhkan simpati
ke bendang budimu
Kampung Talang yang kukenang
terimbau masih
di sungai berlinangmu
bayang pedih
melanda tebing impian
masa depan.

Kampung Talang
31 Januari 1955

Dharmawijaya
Gurindam Azam

Langgam nasib andaikan meratib
di jeram kelam. Tenteramkan
sangi sebening hati
di gurindam azam.

Langgam takdir andaikan mengukir
dendam sengketa. Andamkan
bakti setulus hati
di piagam cinta.

Andaikan
berulang genta geloranya
membadai titian sentosa. Pendamkan
kecewa impian
di bunuh takwa.

UPM Serdang
12 Januari 1996

Dharmawijaya
Mudah-mudahan

Biarlah kujejaki lurah berduri
mudah-mudahan
akan kukenali
rentak kehidupan
duniawi
tak selamanya
melagukan ketenangan
tak semuanya
menemukan kebahagiaan.

Biarlah kukunjungi tanjung sepi
mudah-mudahan
akan kuinsafi
gerak pencarian
insani
selamanya menduga
ketabahan hati
semuanya meminta
keyakinan diri.

Seremban
23 Julai 1998

PENGENALAN GURINDAM

Gurindam ialah genre puisi tradisional Melayu. Kata gurindam daripada bahasa Tamil iaitu 'kirindam' yang bermaksud perumpamaan. Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 2, muka 818-820 menyatakan bahawa gurindam tidak tentu bentuknya, sama ada terikat ataupun tidak. Gurindam yang dikatakan terikat mengandungi dua baris serangkap. Baris pertama sebagai syarat dan baris kedua sebagai jawapan.

Dalam Pelita Bahasa Melayu Penggal Ketiga dan Ilmu Mengarang Melayu, Za'ba mendefinisikan gurindam sebagai sejenis syair melarat yang tiada tetap sukatananya atau rangkapnya. Isinya pula mengandungi fikiran-fikiran yang bernas dengan bahasa yang riang dan suka sebagai nyanyian.

Sementara itu Raja Ali Haji yang mencipta Gurindam 12 berpendapat, gurindam ialah perkataan yang bersajak pada akhir pasangannya, tetapi perkataannya akan sempurna dengan satu pasangannya sahaja. Baris pertama ialah 'syarat' dan baris kedua pula ialah 'jawab'.

Dalam gurindam dua baris seperti ini, 'syarat' juga bermaksud 'sebab' atau 'soalan'. Baris keduanya yang dikenali sebagai 'jawab' ialah 'akibat' atau 'jawabannya'.

Mahaya Mohd. Yassin
Gurindam Pendeta

meskipun tidak ke sekolah
persekitaran dapat diolah

meskipun dia masih mentah
ajaran dan suruhan tidak dibantah

meskipun ayahanda banyak urusan
tugas mendidik tetap dilaksanakan

meskipun bonda sibuk sentiasa
tetap mengajar bersolat dan berpuasa

meskipun umurnya baru lima
berzanji mengaji al-Quran sudah bermula

meskipun ayahand bonda nampak 'garang'
tekun mendidik menjadikannya 'rang'

meskipun usia mencecah tujuh
surah Yassin dihafaz bersungguh-sungguh

meskipun nampaknya masih kecil
mengaji al-Quran memukau yang hadir

meskipun kertas dan buku tiada
batang pisang dijadikan pengantara

meskipun berumur 12 tahun
ketika belajar sungguh tekun

meskipun ketandusan pena dan buku
papan batu dan kalam amat membantu.

Mahaya Mohd.Yassin

Ketika Itu, Za'ba...

Ketika fikirannya diterjah idea
Mengetip taip menghasilkan karya.

Ketika termangu dielus bayu
Menggempur fikiran memartabatkan Melayu.

Ketika rohaninya diusik gundah
Mengarang madah menyampaikan kuliah.

Ketika bangsanya diulit mimpi
Mengkritik pedas mengembalikan diri.

Ketika terasa mereka mereka ketinggalan
Bangkit mencabar melalui pendidikan.

Ketika terasa mereka tiada bermaya
Agama dan ekonomi pembakar semangatnya.

Ketika terharu mereka semakin buntu
Bahasa dijadikan pemacu ilmu.

Ketika melihat bangsanya kerdil
Bertekad ikhlas menjadi kandil.

Rumah Rindu.
November 2002.

Mahaya Mohd.Yassin

Tiara

Kenangan itu tiara
gemerlap menerobos
zaman.

Cahayanya
tak pernah padam
semakin cemerlang.

Tiara
Subur dalam sukma
Bersemangat dalam jiwa
Wangi semerbak
Selagi bertakhta
Di jemala bangsa.

*Taman Paroi Jaya
September 2002.*

Mahaya Mohd. Yassin

Tiada Tandingan

Pabila di rumah menurut kata,
Sayangi keluarga dan jiran tetangga.

Bersama guru rajin belajar,
Semua bidang hendak dikejar.

Pabila bertutur santun bahasa,
Menghormati orang pada setiap masa.

Pabila berhujah mantap dan padu,
Jelas terungkap hala tuju.

Pabila bertindak matang bijaksana,
Segala perbuatan semuanya kena.

Pabila berpakaian anggun dan tampan,
Walau di mana penampilan sopan.

Pabila bercita-cita gah dan yakin,
Bersemangat tinggi berdaya saing.

Pabila menjawat teraju utama,
Penuh amanah, dedikasi dan saksama.

Bersama bangsa rela berkorban,
Za'ba pendeta tiada tandingan.

Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban.

Mahaya Mohd. Yassin

Gurindam Murid Dahulu Murid Sekarang

Murid dahulu hormat dan bijaksana,
Ajaran guru dipatuhi semuanya.

Murid sekarang amat pintar,
Menguasai ilmu melalui komputer.

Murid dahulu santun berbudi,
Para pendidik sangat dihormati.

Murid sekarang berani dan gagah,
Idea guru disanggah dihujah.

Murid dahulu merendah diri,
Bimbingan guru sentiasa dihargai.

Murid sekarang berani bersuara,
Kadang-kadang terbiadab pula.

Murid dahulu sopan berbahasa,
Kapada orang berbuat jasa.

Murid sekarang ramai kenalan,
Ada yang tersilap memilih haluan.

Murid dahulu cepat mesra,
Guru disayangi seperti saudara.

Murid sekarang ada yang baran,
Guru dicabar menegakkan kebenaran.

Murid dahulu mengunjungi guru,
Buah tangannya sampai dahulu.

Murid sekarang terlalu sibuk,
Para pendidik jarang-jarang dijenguk.

Era Za'ba menyerlah harmoni,
Patut dituruti hingga kini.

Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban.

Agus Salim
Ilmu

menuntut ilmu sampai tamat
tentu hidup pasti selamat

kembangkan ilmu ke mana-mana
tentu hidup ada makna

sebar ilmu kepada pelajar
tentu hidup memang wajar

tulis ilmu jadi buku
orang membaca tidak beku

sorok ilmu di otak sendiri
murid sekolah pasti lari

bincang ilmu dengan kawan
tentu pandai kawan lawan

benci ilmu sejak kecil
seorang diri hidup terpencil

tiada ilmu masa di dunia
akhirat nanti hidup aniaya.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Nafsu

ada nafsu mesti jinak
baharu perangai rasa enak

ikut nafsu mesti binasa
nanti badan rasa tersia-sia

lawan nafsu mesti selamat
baharu badan rasa sihat

kenal nafsu mesti cermat
baharu badan rasa selamat

tolak nafsu mesti mulia
baharu badan rasa bahagia

benci nafsu mesti aman
baharu badan rasa nyaman

sayang nafsu mesti selekeh
tentu badan rasa letih

tiada nafsu masa di dunia
di akhirat menerima banyak kurnia.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Kasih

rasa kasih dalam hati
badan turut sama dihormati

rasa kasih sesama manusia
anda tentu rasa bahagia

rasa kasih kepada Tuhan
hati anda tetap bertahan

rasa kasih kepada negara
hati anda tentu gelora

rasa kasih kepada ibu
hati anda tentu mengebu

rasa kasih kepada bapa
mulut anda selalu sapa

rasa kasih kepada nabi
sebut nama bertubi-tubi

walau begitu kasih makhluk
mana sama kasih Khalik.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Sombong

orang sombong meninggi diri
orang ramai memandang benci

orang sombong menegak hidung
orang ramai menarik muncung

orang sombong melagak rumah
orang ramai memang menyampah

orang sombong melagak kaya
orang ramai lagi bergaya

orang sombong melagak pakaian
orang ramai naik bosan

orang sombong melagak rupa
orang ramai tidak sapa.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Taubat

rasa bersalah segera taubat
memang mujarab jenisnya ubat

sebagai makhluk memang bersalah
bersiap diri menghadap Allah

segera bertaubat sebelum terlambat
biar selamat terhindar sebat

segera taubat setiap masa
sebelum catatan ke hadirat Esa

taubat itu suatu rahmat
apabila taubat rasa nikmat

taubat itu bukan susah
Astaghfirullah dilidah basah

ingat juga di dalam hati
supaya yakin lagi pasti.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Taat

taat Allah tiada bantah
hidup bahagia rasa bertuah

taat nabi taat rasul
tetap hati jangan tersasul

taat negara korban nyawa
negara aman rakyat berjiwa

taat pemerintah berhati jujur
tiada rakyat hidup kebulur

taat pemimpin siap sedia
rakyat hidup selalu bahagia

taat undang-undang setiap masa
rakyat riang hidup selesa

taat raja semasa berkuasa
rakyat bekerja setiap masa

taat penghulu pagi petang
kita senang tiada pantang

taat ketua sepanjang masa
orang kampung mengenal jasa.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Adil

sikap adil sikap terpuji
carilah dia semasa mengaji

kenal adil peganglah kukuh
supaya lupa sifat angkuh

tegakkan adil di dasar hati
akan roboh sikap dengki

amalkan adil sepanjang waktu
supaya lembut kepala batu

bajalah adil di dalam diri
supaya lembut segala duri

sayangi adil sehingga manja
supaya adil menjadi raja

lihat adil dengan mata
pasti adil membahagi rata

tunggulah adil dengan sabar
sehingga zalim tiada khabar.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Saiful

Baik

baik budi lemah lembut
kemana-mana orang sambut

baik budi tulus ikhlas
seperti mandi sudah berbilas

baik budi hati lurus
sesiapa sudi kerja urus

baik budi muka manis
memang ramai kawan sejenis

baik sangka kepada kawan
jumpa mesra berpisah rawan

baik sangka kepada saudara
jumpa bahagia berpisah dura

baik sangka kepada guru
jumpa tenang berpisah haru

baik sangka kepada ibu bapa
jumpa kaya berpisah papa.

*Rumah Rindu, Seremban
2002*

Agus Salim

Tolong-menolong

tolong-menolong sesama jiran
bila bermula jangan jeran

tolong-menolong sesama teman
selalu berkunjung tinggal setaman

tolong-menolong satu sekolah
bersatu padu tidak berbalah

tolong-menolong adik-beradik
semua pandai keluarga cerdik

tolong-menolong bekerjasama
terbang di taman bagi rama-rama

bekerjasama sikap yang baik
nama harum darjat naik

berkerjasama satu nilai murni
lama-lama jadi kelak berani

kini bekerjasama satu perangai
anak air membesar sungai.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Hormat-menghormati

hormat-menghormati sesama kawan
lemah hati hendak melawan

hormat-menghormati adik-beradik
lembut hati hendak menyelidik

hormat-menghormati adik-kakak
tangkai hati tidak bengkok

hormat-menghormati adik-abang
seluruh hati tidak bimbang

hormat-menghormati murid guru
dalam hati rasa terharu

hormat-menghormati sesama pelajar
segenap hati rasa wajar

hormat-menghormati sesama teman
akrab hati belajar di taman

hormat-menghormati sesama guru
akrab hati menghilangkan keliru.

Rumah Rindu, Seremban
2002

PENGENALAN SELOKA

`Seloka' berasal daripada bahasa Sanskrit `shloka' suatu bentuk puisi terdiri daripada dua baris (dua kerat). Menurut Zuber Osman, seloka hampir sama dengan gurindam, manakala seloka mementingkan kelucuannya. Kata Hooykaas, seloka ialah pantun yang memakai rima yang sama. Amir Hamzah menyatakan seloka ialah pantun yang mempunyai sampiran. Menurut Za'ba, seloka ialah sejenis puisi yang sama dengan gurindam, cuma seloka bercampur kelakar dan mengejek. Pendapat Za'ba ini dipakai oleh Mohd. Taib Osman dalam *Warisan Puisi Melayu*, dan Harun Mat Piah dalam *Puisi Melayu Tradisional*.

Mengikut catatan *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, seloka bermaksud sejenis puisi bebas yang tidak terikat. Seloka biasanya tidak berangkap. Jika berangkap, tidak tentu jumlah larik serangkap dan jumlah perkataan selarik, dan memakai rima atau tidak. Seloka biasanya memerlukan beberapa larik yang berurutan untuk menyatakan satu keseluruhan idea. Seloka mengandungi sindiran, jenaka, usikan dan gurauan.

Perkataan `seloka' berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu `shloka' atau `anustubh' yang bermaksud satu bentuk puisi, terdiri daripada dua larik; tiap larik mengandungi 16 suku kata yang tersusun dalam empat unit berupa susunan panjang dan pendek suku kata (guru dan lagu).

Mahabrata dan Ramayana adalah contoh karya yang dikarang dalam bentuk seloka. Seloka Melayu ialah ciptaan masyarakat Melayu sendiri yang asli.

Kesimpulannya, Seloka Melayu ialah sejenis puisi bebas berisi ungkapan sejajar, dua baris atau satu. Satu baris akhir seagai kunci atau penutup, dan isinya bermaksud *menyindir, tajam dan jenaka.

* Penulis telah menyiapkan 24 judul seloka. Manakala terbaca PERINGATAN jangan menyindir dalam Surah Hujurat ayat 11, semua seloka itu digugurkan. Lebih-lebih lagi asalnya bukan hak datuk nenek kita di tanah air yang tercinta ini. Cuba renungkan seloka tidak subur dalam sastera Melayu lama kita. Mengapa?

Peringatan

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan puak lelaki yang lain; (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula mencemuh dan merendahkan puak perempuan yang lain; (kerana) harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah sesetengah daripada kamu menyatakan keaiban sesetengah yang lain; juga janganlah bersifat menyindir antara satu sama lain, dan janganlah juga kamu memanggil-manggil antara satu sama lain dengan gelaran yang buruk: (larangan-larangan yang tersebut itu menyebabkan orang-orang yang melakukannya menjadi fasiq maka) amatlah buruk sebutan nama fasiq (kepada seseorang itu) sesudah ia beriman; dan (ingatlah) sesiapa yang bertaubat (daripada kefasiqannya) maka sesungguhnya mereka itu adalah orang-orang yang zalim.

(Surah Hujurat: ayat 11)

Awalnya kami hendak masukkan tajuk seloka yang telah siap 24 buah dengan pengenalan pengkaji berwibawa; manakala bertemu peringatan di atas, dan asal seloka dari sana, kami gugurkan kerana manusia tidak boleh melampau batas Surah Al-Lahab (Surah Al-Masad).

Dari Penyelenggara

PENGENALAN PANTUN

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Jilid 3, muka 1723-1724) mencatatkan pantun ialah genre puisi Melayu tradisional. Pantun ialah satu bentuk puisi yang tertua dalam tradisi budaya Melayu selain mentera. Pantun menggambarkan jiwa dan peribadi bangsa Melayu dari sudut keindahan bahasanya. Hampir suku bangsa di alam Melayu mempunyai bentuk pantunnya dalam dialek atau bahasa masing-masing.

Pantun bermula sebagai puisi lisan dan tarikh atau zaman terciptanya tidak dapat dibuktikan tetapi yang pasti perkataan 'pantun' sebagai satu istilah bagi satu bentuk puisi yang tersendiri telah ditemui dalam manuskrip Melayu, termasuk Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu yang dikarang pada sekitar tahun 1962. Pantun juga digunakan oleh pengarang sastera hikayat dan cerita penglipur lara.

Dalam makna umum, pantun bererti umpama, laksana, seperti yang sama makna dengan peribahasa misalnya dalam peribahasa "kami sepantun telur itik, kasihan ayam maka menjadi." Dalam Hikayat Hang Tuah terdapat peribahasa "seperti kata pantun Melayu, rosak bawang ditimpa jambaknya". Sebagai istilah puisi, pantun mengandungi makna 'tersusun, teratur dalam susunan yang baik dan indah'. Makna ini sama dengan kata 'panton' dalam bahasa Jawa kuno iaitu 'pari', kependekan kepada 'paribahasa' (peribahasa).

Dalam genre puisi, pantun tergolong sebagai puisi terikat yang mempunyai peraturan dan struktur tertentu. Pantun pada umumnya terdiri daripada empat larik serangkap, empat perkataan selarik, mempunyai skema rima a-b-a-b. Terdapat juga variasi lain iaitu pantun yang serangkap dua larik atau enam, lapan, sepuluh dan seterusnya dalam serangkap dan skema rima a-a-a-a seperti syair. Terdapat juga dalam bentuk berkait iaitu yang dikenal sebagai pantun berkait.

Adib Syukri

Komputer

Tanjung Sepat airnya cetek,
Tempat indah jadi rinduan;
Ayah dapat komputer cantik,
Terima hadiah menang peraduan.

Ke ibu kota naik komuter,
Pagi berkabus lampu menyala;
Zaman kita zaman komputer,
Petik tetikus terbuka jendela.

Dari Langkawi ke Kuala Perlis,
Hendak mencari sanak saudara;
Komputer itu mesin tulis,
Tekan kekunci tunjuk aksara.

Pulau Rupa nampak biru,
Tanjah selamat zaman bahari;
Komputer alat pendidikan baru,
Segala maklumat di hujung jari.

Buah saga gugur bertabur,
Terkena manggar terus terlantun;
Komputer juga tempat berhibur,
Cerita didengar gambar ditonton.

Seremban.

2002

Adib Syukri

Pantun Dua Kerat

Baik nangka dari cempedak
Baik sangka jangan tidak.

Mendung bergulung menutup awan
Tolong-menolong bersama kawan.

Ayam togel bulu balik
Sikap adil bukan pelik.

Kura-kura bercangkerang
Pura-pura sikap terlarang.

Kudup jatuh kena tahan
Hidup patuh kepada Tuhan.

Selasih berbayang dalam gelas
Kasih sayang jujur ikhlas.

Tumbuh cendawan di atas busut
Setia kawan sepasang kasut.

Badi rusa terbayang-bayang
Budi bahasa timbul sayang.

Jalak menyusur tepi sawah
Tolak ansur rezeki mewah.

Serat halia buat minuman
Taat setia kuat iman.

Ainur Yasmin

Nenek

Bunga raya tajuk berita,
Bunga utama negara ini;
Nenek saya suka bercerita,
Cerita agama semangat berani.

Bunga raya merah cair,
Bunga pelita cantik rupa;
Nenek saya lancar bersyair,
Syair cerita Yatim Nestapa.

Bunga raya di Batu Berendam,
Jangan malas pergi mengaji;
Nenek saya boleh bergurindam,
Gurindam dua belas Raja Ali Haji.

Bunga raya bunga cempaka,
Bunga cempaka harum sekali;
Nenek saya pandai berseloka,
Seloka jenaka hati geli.

Bunga raya bunga terpuji,
Bunga terpuji negara kita;
Nenek saya rajin mengaji,
Rajin mengaji menyekang mata.

Seremban.

2002

Agus Salim
Putrajaya

Langit biru indah cahaya,
Cantik berseri tidak terkata;
Bandar baru Putrajaya,
Bakal menjadi ibu kota.

Pohon ru naik sebaya,
Memang gah pandang saujana;
Bandar baru Putrajaya,
Memang megah kediaman Perdana.

Ramah tamah di hari raya,
Hidang kurnia dari England;
Tanah pamah Putrajaya,
Diberi nama taman Wetland.

Sinar cahaya ke langit biru,
Menyinar mata hati berbera;
Putrajaya bandar baru,
Di tengah kota Masjid Putrajaya.

Orang muda memang bergaya,
Tangan dijabat badan berdiri;
Mercu tanda Putrajaya,
Tersergam pejabat Perdana Menteri.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim
Kuala Lumpur

Jrugambar datang berkejar,
Sambil bercanda mencari rahsia;
Menara berkembar dua sejajar,
Mercu tanda negara Malaysia.

Adik lama menanti abang,
Rasa panik tak nampak teman;
KLIA nama lapangan terbang,
Binaan unik dalam taman.

Maju segera ke medan tempur,
Maju bersama rasa salam;
Masjid Negara Kuala Lumpur,
Lambang agama negara Islam.

Anak kera mencuri ke dapur,
Mulut menjerit merata-rata;
Tinggi menara Kuala Lumpur,
Pencakar langit di tengah kota.

Seekor singa di tengah belantara,
Badan sihat mencari kawan;
Taman bunga zoo negara,
Tempat rehat pelbagai haiwan.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Tempat Terkenal

Bunga Cempaka bukannya merah,
Apabila gugur harum baunya;
Kota Melaka kota sejarah,
Memang masyhur seluruh dunia.

Datuk Bendahara Tun Seri Lanang,
Pengarang cerita Sejarah Melayu;
Bukit Bendera di Pulau Pinang,
Tanah tinggi hembusan bayu.

Ikan todak di Teluk Bahang,
Bukan mudah mengelak pantang;
Teluk Cempedak di negeri Pahang,
Pantai indah laut terbentang.

Pokok Kemboja lambang simpati,
Pokok Palma tanpa baja;
Bandar diraja Seri Menanti,
Istana lama muzium diraja.

Pekan Linggi mula masyhur,
Putera watan terkenal jasanya;
Kota Tinggi di negeri Johor,
Laksamana Bentan mashyur ceritanya.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Pahlawan

Masak pulut berlawan santan.,
Dalam sekam ada duri;
Tok Janggut pahlawan Kelantan,
Mati ditikawm bangsa sendiri.

Masuk ke taman cahaya menyilau,
Rasa bahang macam Kala;
Datuk Bahaman Mat Kilau,
Negeri Pahang mereka bela.

Kalau bertembung angkatan Kanu,
Suka beruang di dalam hutan;
Rahman Limbong pahlawan Terengganu,
Bangkit berjuang membela watan.

Kalau membeli madu lebah,
Bekas kotor harus disisih;
Roslie Dhobie di Negeri Sabah,
Berkorban nyawa jiwa bersih.

Pohon petola tumbuh berjarak,
Bunga berkuntum nampak barbaris;
Maharaja Lela pembesar Perak,
Si Putum bunuh ketua Inggeris.

*Rumah Rindu, Seremban
2002*

Agus Salim
Nama Berjasa

Hati sayu fikiran buntu,
Bertahun mengabdikan takut menderhaka;
Bangsa Melayu mula bersatu,
Mahu menjadi bangsa merdeka.

Teruna dara pergi berjaja,
Menjaja sampin dari Kembayat;
Rahman Putra turunan diraja,
Seorang pemimpin pilihan rakyat.

Getah tuba sungguh berbisa,
Ikan bertemasya menjadi buruan;
Pendeta Za'ba pejuang bahasa,
Pelita bahasa menjadi panduan.

Kalau menggali tanah liat,
Jangan latah terbawa-bawa;
P. Ramlee seniman rakyat,
Lagu telatah penghibur jiwa.

Deklamasi sajak acara tahunan,
Sambut merdeka tambah berseri;
Tun Razak bapa pembangunan,
Felda dibuka merata negeri.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim
Dari Nusantara

Dari Nusantara ke pulau Ceylon,
Naik perahu di laut lepas;
Kami kembara macam belon,
Bahasa Melayu ikut bernafas.

Dari Nusantara ke pulau Madagaskar,
Naik perahu di laut biru;
Kami kembara begitu sukar,
Budaya Melayu ke tempat baru.

Dari Nusantara ke Cape Town,
Naik kapal macam penjara;
Laut gelora hendak ditawan,
Terus berjuang melawan jera.

Dari Nusantara ke benua Eropah,
Naik kapal serasa tawanan;
Laut gelora terkapa-kapa,
Pantun Melayu jadi ikutan.

Dari Nusantara ke benua Amerika,
Naik kenderaan bertukar ganti;
Keturunan kembara jangan leka,
Cucu cicit dikenal nanti.

*Rumah Rindu, Seremban.
November 2002*

Agus Salim

Tetamu

Tumbuh berbaris pohon sena,
Bunga terlantun jauh ke seberang;
Dari Perancis ke rumah Gapena,
Di sana pantun digemari orang.

Di tengah tembakau di pinggir kenanga,
Pantai landai berhembus bayu;
Dari Moscow ke rumah Gapena,
Bijak pandai sastera Melayu.

Kembang belon menyambut temasya,
Hari lahir Si Comel ayu;
Dari Ceylon ke Dewan Bahasa,
Bercerita lahir akhbar Melayu.

Hutan belukar tanah nusa,
Pucuk kayu tegak setentang;
Dari Madagaskar ke Dewan Bahasa,
Wajah Melayu kulit sawo matang.

Jauh di sana pokok kuini,
Dahan panjang digoyang bayu;
Dari Filipina bertandang ke sini,
Ramai pejuang rumpun Melayu.

*Rumah Rindu, Seremban.
November 2002*

Agus Salim

Anugerah Pujangga

Ulam penggaga pelancar darah,
Badan gagah teman serasi;
Gelar pujangga sebuah anugerah,
Anugerah megah daripada UPSI.

Sutera dewangga warna cerah,
Bunga manggar sambut sama;
Gelar pujangga sebuah anugerah,
Dharmawijaya diisytihar jadi penerima.

Encik Nahir orang kaya,
Suka menderma pelbagai busana;
1974 lahir Warna Maya,
1992 menjelma Derita Buana.

Orang ceti memakai cemara,
Orang Patan memakai dasi;
1999 mengikut Jejak Kembara,
Sempena Sambutan Hari Puisi.

Bunga selasih sutera dewangga,
Maka pasrah segala busana;
Dharmawijaya terpilih Anugerah pujangga,
Setelah Anugerah Penyair Gapena.

Rumah Rindu, Seremban.

November 2002

PENGENALAN SYAIR

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Jilid 4, halaman 236.1) menyatakan: sejenis puisi yang terikat, umumnya terdiri daripada empat larik serangkap, empat perkataan selarik dan mempunyai rima akhir a-a-a-a dengan sedikit variasi dan kekecualian. Keseluruhan rangkap merupakan idea yang berurutan dan biasanya memerlukan beberapa rangkap untuk menyatakan satu keseluruhan idea.

Perkataan syair berasal daripada bahasa Arab 'syi'r' yang bermakna puisi secara umum. Kebanyakan sarjana berpendapat syair Melayu dimulakan oleh Hamzah Fansuri, seorang ulama Aceh, yang mengambil contoh puisi sufi Arab dan Parsi, khususnya yang berbentuk syair dan rubai. Namun demikian, perkembangannya dalam Kesusasteraan Melayu dipengaruhi oleh genre puisi Melayu yang telah sedia ada sehingga ia merupakan milik tradisi Melayu.

Jenis syair juga bergantung kepada jumlah larik serangkap dan variasi rima, misalnya syair dua larik atau kuiplet, syair tiga larik serangkap, syair empat larik, syair enam larik serangkap dan syair berkait. Contoh tema atau isi syair seperti syair romantis, syair panji, syair sejarah, syair agama, dan syair simbolik. Seloka dalam bentuk syair, syair rejang, teka-teki, dikir dan puisi saduran atau terjemahan dari Arab dan Parsi seperti ruba'i, bayt, ghazal. Masnawi dan kit'ah boleh juga dimasukkan dalam genre syair.

Adib Syukri
Pujangga UPSI

Ini cerita seorang pujangga,
UPSI terkenal penuh bangga,
Dharmawijaya satu-satunya warga,
Dipilih menerima anugerah berharga.

Pujangga UPSI anugerah ulung,
Dharmawijaya terpilih penerima sulung,
Arah jemala hormat terjunjung,
Anugerah ke leher terus terkalung.

19 Oktober tarikh pasti,
Tahun 2002 tahun diberkati,
Anugerah Pujangga membawa erti,
Acara meriah sebuah universiti.

Dharmawijaya berpuisi memang laksamana,
Anugerah pujangga bijak sana,
Selepas Anugerah Penyair Gapena,
UPSI menjunjung penuh makna.

Demikian sudah sebuah cetera,
Seorang tokoh pujangga sastera,
Pujangga seni meminati mentera,
Menulis puisi menjadi lentera.

Seremban.
2002

Ainur Yasmin
Puisi Melayu

Kata Bismillah mesti utama,
Puisi Melayu pelbagai nama,
Pantun terkenal puisi lama,
Sungguh indah merdu irama.

Gurindam seloka payah dipisah,
Asal mula satu wilayah,
Ke Alam Melayu menjadi kesah,
Menjadi tenteram hati yang resah.

Nazam pula memberi ingatan,
Jika lalai digoda syaitan,
Nanti feel menjadi sebutan,
Apa faedah kepada watan.

Ahli sufi suka masnawi,
Ada pula menulis rubai,
Asal Arab melalui Parsi,
Suka agama mereka puji.

Pawang pandai puisi mentera,
Mencari musuh tiada tertera,
Serapah jampi sama setara,
Sudah lama bertapak di Nusantara.

Seremban.
2002

Agus Salim
Rajin

Rajin belajar membaca buku,
Siang malam duduk di bangku,
Sopan santun tingkah laku,
Supaya otak tidak beku.

Membaca buku pelajaran sekolah,
Lupakan kawan pergi berkelah,
Dengan nafsu jangan mengalah,
Mesti tegas jangan berbalah.

Ingat semula keterangan guru,
Jangan campur perkara keliru,
Supaya tidak jadi celaru,
Awak pandai orang cemburu.

Hati tetap pelajaran senang,
Rasa ria wajah tenang,
Kalau berlawan boleh menang,
Hilang susah jangan dikenang.

Begitulah ibarat rajin belajar,
Mula susah terasa pijar,
Walau bayang boleh dikejar,
Sehingga semua menjadi wajar.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Taat

Pertama taat kepada Allah,
Kita hamba mesti lelah,
Hanya Allah ada daulah,
Hamba taat jangan berhelah.

Kedua taat kepada rasul,
Jangan cuba membuat usul,
Mesti berbalik jika tersusul,
Jangan biar terkenal bisul.

Ketiga taat kepada ayah ibu,
Rahmat manis macam tebu,
Dosa ringan macam kekabu,
Kalau melawan awaklah debu.

Keempat taat kepada raja,
Memang tempat rakyat bermanja,
Bagai pokok mendapat baja,
Jangan terlambat sampai senja.

Kelima taat kepada negara,
Mesti sanggun seberang segara,
Walau badai tempuh segera,
Begitu taat lima perkara.

*Rumah Rindu, Seremban
2002*

Agus Salim

Murid

Anak murid hormat guru,
Hati lurus fikir baru,
Badan sihat semangat seru,
Fikir sendiri jangan tiru.

Datang ke sekolah mesti cepat,
Menjawab soalan mesti tepat,
Setiap pelajaran mesti dapat,
Dengan guru mesti rapat.

Masuk belajar siap buku,
Baik juga tingkah laku,
Otak pula jangan beku,
Mulut tangan jangan kaku.

Semua alat mesti lengkap,
Sopan santun menjadi sikap,
Jaga mulut banyak cakap,
Mata pula mengerling tingkap.

Setiap ketua mesti hormat,
Mereka itu membawa rahmat,
Setiap waktu dapat hemat,
Jadi murid tuju matlamat.

*Rumah Rindu, Seremban
2002*

Agus Salim
Jiwa Perwira

Jiwa perwira meresap ke hati,
Masa kecil terpandang pedati,
Sejak itu suka memerhati,
Semangat perwira lekat di hati.

Membaca buku masih samar,
Merenung gambar jelas gemar,
Wajah perwira ingin dilamar,
Menjadi teman di dalam kamar.

Menjadi belia semangat perwira,
Semua perjuangan untuk negara,
Maju ke hadapan pasti segera,
Pantang undur berpura-pura.

Kalbu perwira orang dewasa,
Semua perjuangan adalah jasa,
Biar perit sedang dirasa,
Jangan lambat ditinggal masa.

Rasa perwira setelah bersara,
Cuba mengenang zaman gelora,
Rasa jera tidak ketara,
Semangat juang bagi negara.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim
Kalung Bunga

Kalung Bunga susunan pendeta,
Bukan warta bukan berita,
Penuh puisi merata-rata,
Pesan kata bagai senjata.

Kalung Bunga diberi nama,
Penuh tersurat puisi lama,
Bahasa berikat bahasa berirama,
Membuat amal sebagai derma.

Derma dunia pahala akhirat,
Mata memandang yang tersurat,
Hati menikmati yang tersirat,
Baca semua selagi larat.

Kalung Bunga santapan rohani,
Mengsuh pembaca berjiwa murni,
Tabah jiwa kuat jasmani,
Jasmani hebat semangat berani.

Berani berkata berani mengota,
Tanah berbukit boleh dirata,
Walau habis wang berjuta,
Biar senang rakyat jelata.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Pelita Bahasa

Pelita Bahasa usaha pendeta,
Berisi nahu bahasa kita,
Lidah petah bertutur kata,
Maksud difaham serta-merta.

Pelita Bahasa nama diberi,
Hingga terkenal seluruh negeri,
Sejak dahulu zaman bahari,
Setiap bibir dia menari.

Pelita Bahasa panduan utama,
Pakar bahasa mengukir nama
Buku tatabahasa yang seumpama,
Timbul baru lenyap lama.

Za'ba pelopor cara mengarang,
Karangan kabur menjadi terang,
Cara bernilai bukan sembarang,
Alam Melayu terang-benderang.

Pendeta Za'ba memang berjasa,
Sehingga lahir pakar bahasa,
Para pelajar turut selesa,
Sedikit tidak membuang masa.

Rumah Rindu, Seremban
2002

Agus Salim

Gurindam Alam

Dharmawijaya menyusun Gurindam Alam,
Puisi baru cuba mendalam,
Puisi lama sambil menyelam,
Lama baru sulam-menyulam.

Gurindam Alam mengenal puisi,
Puisi lama tidak basi,
Puisi baru pelbagai aksi,
Lama baru perasaan berisi.

Gurindam Alam diberi nama,
Mengajar puisi mengenal irama,
Mencari sinar di malam purnama,
Akhirat pahala dunia derma.

Gurindam Alam usaha Dharmawijaya,
Bukan usaha mencari kaya,
Membukukan puisi teman berkarya,
Menyekang mata sampai berjaya.

Gurindam Alam terbitan Masa,
Biar ilmu sama merasa,
Selagi hidup menabur jasa,
Pahala di tangan Yang Esa.

Rumah Rindu, Seremban.
2002

Siti Salbiah Zahari

Izin Restu

Dengan bismillah pembuka bicara,
Ucapan yang mulia untuk semua,
Hamba dendangkan warisan kita,
Untuk renungan pelajar semua.

Wahai pelajarku remaja bonda,
Tuntutlah ilmu penuhkan dada,
Ajaran guru jangan dipersenda,
Kejayaan menyusul harapan ibunda.

Anak didikku belajarlah kamu,
Cikgu sentiasa curahkan ilmu,
Kami sentiasa memberi restu,
Doa diiring penuh syahdu.

Ayahanda bonda guru semua,
Adalah pelindung ketika di persada,
Jasa mereka jangan dilupa,
Kejayaan cemerlang buktikan segera.

Renung dan fikir tujuan kita,
Di sini berkumpul satu cita-cita,
Kata-mengata amalan nesta,
Kata dikota tunjuk hasilnya.

Apabila berada di puncak persada,
Ayah dan bonda jangan dilupa,
Kelak hidup tidakkan bahagia,
Elak ditimpa duka nestapa.

Syair ini berakhir sudah,
Izin Restu saat bersejarah,
Reda dan ikhlas tawakal dan pasrah,
Semoga semua diberkati Allah.

(Syair ini dicipta dan didendangkan khas kepada pelajar-pelajar SMK Seri Ampangan yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM 2002 sempena majlis Izin Restu)

PENGENALAN RUANGAN SUMBANGSIH

Sebagaimana biasa kami memberi peluang ahli yang rajin mencipta puisi mengisi lembar-lembar *Gema Serunai Hati*, sefiap kali terbitnya. Pada kali ini peluang itu bagai seluang yang berenang di 'ruang sumbangsih' sahaja.

Setiap bidang atau ruang sentiasa ada persaingan, sama ada kita berasa, lebih-lebih lagi lalai pihak lain akan menghimpit atau mengalahkan kita, sehingga menggigit jari. Sebelum peluang tertutup, kita mesti bangkit serta waspada, sebelum hak kita terlepas dari tangan lalu diambil orang lain.

Peluang jarang berulang, tuah hanya dirasa oleh orang yang bertuah, nasib jangan diharap. Orang berusaha yang mungkin berjaya. Orang yang tidak mahu berusaha bagaimana boleh berjaya? Kata orang tua-tua; pipih tidak datang melayang, bulat tidak datang bergolek. Ayuh! Bangkitlah berusaha.

Semua yang berlaku bukan kehendak kami. Tawaran kami begitu luas; kalau padang lebar, kalau sawah saujana, kalau laut sayup mata memandang. Kami turut terharu. Begitupun kita patut bersyukur, kerana masih mendapat ruang: luas atau sempit ruang ini tertakluk kepada usaha kita, kerana Tuhan maha pemurah dan pengasih - tidak kira agama, bangsa, atau warna. Semua makhluk adalah hamba-Nya. Beza cuma keyakinan hamba-Nya. Tuhan menilai yang taqwa atau sebaliknya.

Maka itu marilah kita berusaha dengan yakin dan ikhlas untuk kemajuan agama, bangsa juga sastera pada diri sendiri melalui PEN.

Mudah-mudahan kita mendapat taufik dan hidayat daripada-Nya.

Wassalam.

Editor Ruangan

Abdullah A.R

Dibalut Kecharuan

Di tanah mengandung ini
tersergam sebuah bangunan
bukan sekadar mercu tanda
mengenang jasa
di sini tersimpan dan terpamernya
khazanah bangsa milik seorang pendeta bahasa.

Barangkali adalah lambang
bahagia, tinggi dan cemerlang
seorang pendeta
di dalamnya tersimpan pelbagai tema
bahasa dan sastera, sosial dan budaya
politik dan agama, budi dan pekerti
begitu konstruktif, begitu kreatif
begitu kritis yang mengangkat martabat
mendaulat bangsa, agama dan negara.

Di dalamnya terselit mutiara
tinggi ilmu dan moralnya
halus idea bernas ungkapannya
tercermin pemikiran
seorang pujangga.

Za'ba, barangkali juga simbol
sebuah perjuangan seorang nasionalis tulen
seperti sebuah buku kau adalah magnum opusnya
dengan pena itulah senjata
aku sekadar menggali khazanahmu terharu
dan bercermin mentafsir melalui budimu.

Batu Kikir
Februari 2002

Adib Syukri
Karyawan Ulung

Karyawan
bukan sahaja mampu berkarya
bukan sahaja boleh mengukir jasa
bahkan
bangsa dapat dipertingkat martabatnya
dunia bisa digoncang kandungannya.

Kerana itu,
karyawan sukar diganti
jika hanya menulis puisi
pemahat jasa sukar dicari
kalau masa tidak diisi
gelaran pendeta sukar diberi
andai diri penghasad dengki.

Dan kerana itu,
karyawan semakin selalu dibarangkali
muncul hanya sekali.

Seremban

Adnan AM

Kita Sebenarnya

Kita sebenarnya cemerlang, bersemangat juang menongkah arus sejarah, memiliki ketuanan apakah mula apakah punca, kita terhidu racun alpa kita tertipu leka, dengki khianat pangkat darjat ubah ceria warna, menjadi hina, salah sesiapa.

Kita sebenarnya bangsa jagoan mengepak sayap berkokok di gelanggang rela bertumpah darah, rela berkorban harta apakah malang menggalang, nafsu bijak merayu syaitan mengumpun, dan kita akur setia, kepadanya.

Kita sentiasa setia, bangsa timur pendukung susila sopan ditatang santun dijulung, lantaran alpa lalu kita, membeli kaca menjual permata melucutkan kebenaran menyarung kebatilan tertugulah yang keji di halaman realiti.

Kita patut mengubah, aturan iklim percaturan dunia kita tidak menangguhkan kesedaran perjuangan demi agama, bangsa dan negara, atau lemas dihimpit kemajuan.

Kita sebenarnya masih berupaya menyisihkan keterlanjuran menggera kealpaan demi keimanan, demi Islam demi keturunan sediakan payung sebelum hujan.

Kita sebenarnya mesti menggali, mesti mencari milik jati diri, di mana rumpun di mana umbi tiang seri penegak identiti.

Batu Kikir

Adnan AM
Jeriji Fantasi

Di pentas pura-pura
dikepung jeriji fantasi
perlakuan dan suara bicara
watak dan akhlak
milik sang sutradara.

Di pentas pura-pura
kita angkuh pada penonton
betapa kita lupa
kostum hanyalah sarungan
solekan hanyalah tempelan
kita lupa wujudnya realiti
di luar jeriji fantasi.

Di pentas pura-pura
kita menjadi tawanan
dikepung jeriji fantasi
idea dan pandangan
disilau kemilau laser
konsep dan pegangan
ditenggelamkan muzik berkumandang.

Pura-pura menjadi kapar
di sungai fantasi
maruah dan jati diri
tidak tercapai tebing keinsafan
arus menghanyutkan segalanya
ke muara penyesalan.

Batu Kikir

Ahmad Afian
Pejuang Bahasa

Membuka minda
Mengorak langkah
Membina jati diri Melayu
Ketika yang lain lena

Sewaktu Melayu
Bersatu...
Ilhamkan nama pertubuhan
Sedangkan kautahu bahawa dasar-dasarnya
Masih goyah

Perjuangan bahasamu
Telah membawa Melayu maju
Teguran tajam tanpa cita rasa Melayu
Yang selalu berkias
Membuat Melayu terduduk

Jadikan Islam
Sebagai dasar hidup
Jujur, ikhlas, amanah, berusaha
Asas kemajuan bangsa

Inilah yang telah ditinggalkan
Inilah yang telah disambung
Hingga bangsa Melayu sehebat
Hari ini...
Terima kasih Zainal Abidin

Muzium Negeri Sembilan

Ahmad Zahili
Ilmu Mengarang Melayu

Cetera ilmu mengarang Melayu
adalah benih menunggu rahmat
bercambah membuka kelopak
apabila diulang cetak.

Cetera ilmu mengarang Melayu
jerit perih seorang pendeta
mengisi ruang pelita bahasa
melengkap bab sebuah kitab.

Pendeta sudah pulang
setelah waktu beransur rembang
ilmu menjadi amal
berdiri sendiri
melepas nafas
berdinding lembar kertas
bercakap petah serta benar
tentang ilmu mengarang Melayu.

*Seri Kembangan, Kuala Lumpur
Oktober 2002*

Ainur Yasmin

Papan Batu

Kanak-kanak akan berasa hairan
Biasanya orang menulis di atas kertas
Bagaimana Za'ba menulis di papan batu
Zaman batu lampau dahulu.

Kenalah dirikan di tengah padang
Supaya senang mereka memandang
Papan batu di situ
Kalam berdiri kaku.

Nanti kanak-kanak mahu mencuba
Mengikut contoh Za'ba
Sediakan papan batu lain
Supaya papan batu dan kalam
Tidak tenggelam dalam kelam.

Rasa bangga mengepak di dada
Mengenal pendeta sanjungan bangsa
Lahir di kampung
Berjuang di bidang bahasa.

*Seremban
Oktober 2002*

Atriza Umar

Za'ba Perintis Bahasa

Tersusun fakta secerah purnama
mengurai kisah suatu hakikat
Kampung Bukit Kerdas halaman permainan
telah terpancar kegemilangan indah
gelaran Pendeta empunya darjat.

menguntum peristiwa mengharum negara
tercipta insan bertamadun ilmu
darah mengalir keilmuan cendekiawan
mengkikir nama penyeri dunia.

Dari kecil dididik tegas
padunya langkah diatur rancak
berjiwa kental menjulang martabat
pelbagai wahana melahir tuah
menabur bukti terhadap ummah.

Profesion pendidik tunjang utama
penyampai wadah pemikir bahasa
menjulung nama anak wawasan
martabat bangsa amat dibela
tidak gentar meredah dunia
ilmu agama menjadi perisai.

Ayat al-Quran sering diperdengarkan
menjadi amalan dalam kehidupan
ilmu pengetahuan sebagai penjana
merantau jauh dari persekitaran
mencari ilmu menujah kesesatan.

Sekolah Melayu Batu Kikir tempat dididik
telah menerpa segunung peristiwa
melembar kisah seorang patriot
mendukung khazanah merintis bahasa
terbentang saujana pemikiran kreatifnya
menjadi ukiran setiap ketika.

Segulung lembaran Za'ba dilihat kembali
mengenang jasa penghormatan besar
detik pengabdian diiringi doa
kehilangannya amat terasa
buat warga pencinta khazanah bahasa
Pendeta Za'ba, pejuang bahasa ...

Haji Bahrum Basar
Nostalgia Pendeta Sufi

1.1.1946 di surau Kampung Baharu
pendeta tiba berbasikal
di kediaman Kampung Hujung Pasir
selesai solat subuh:
jemaah khusyuk berkuliah
Pendeta sufi Zainal Abidin (Za'ba) berceramah;
Awal Hijrah satu (awal) Muharam
0001 Hijrah hari Jumaat
bersamaan 16 Julai 662 Masihi.
Kini kita insaf dan sedar
Sejarah silam ke awan membusa!
Mencatat pahala dan dosa,
Pendeta terjemahkan bahasa;
Syariat itu adalah amal kerja,
Tariqat itu jalan kekuatan tenaga,
Hakikat itu kunci gedung hati,
Makrifat itu adalah keyakinan pasti.
Kita hidup tubuh itu dunia,
Akhirat itu adalah nyawa.
Syurga dan neraka itu hak dan benar,
Ganjaran amal ma'aruf dan mungkar.
Hampir terbit matahari pagi
Jemaah bersurai; kewajipan mandiri,
Almarhum pendeta sufi telah pergi,
Muzium batu kikir saksi bakti
55 tahun silam kita sama berzikir,
Pendeta Za'ba tokoh ahli fikir.
Kata saktimu: akur kita makmur
Ingkar kita lebur
Semoga Allah limpahi rahmat
Tempatkan rohmu bersama solihin, amin

*Kampung Sompoo, Lenggeng
Jumaat malam 3 Ramadhan 1423, H.*

Balidin

Penghormatan

Za'ba ...

tanpa mengenalimu

satu ketika dulu

kau,

hanyalah sebuah nama

yang tiada membawa sebarang pengertian

namun ...

jasamu benar-benar

memberi kesan kepada anak bangsamu

namamu begitu gah ...

tanpa sebarang sempadan

kaubawa sinar harapan

menyuluh dalam kegelapan

tanpa mengenal erti kepayahan

berjuang bermati-matian

dalam ketidaksedaran ...

kekagumanku menyerap

di seluruh denyutan nadi

betapa dirimu

terlalu bernilai ...

terlalu agung.

Muzium Negeri Sembilan

Efzek Syuhada NS

Siapalah Kita

Siapalah kita
yang selalu mendabik dada
akulah yang gagah
akulah yang terhebat
akulah yang tersohor
akulah yang punya segala-galanya.

Siapalah kita
yang tak punya apa-apa
yang tak memiliki segalanya
yang cuma meminta daripada-Nya
yang lemah dan tidak berdaya.
yang miskin dan kedana

Siapalah kita
cuma ingin hidup percuma
cuma ingin menikmati keseronokan hidup
cuma ingin menjadi kaya segera
cuma ingin mencuba sesuatu yang berbeza
agar kelihatan anggun dan bergaya.

Siapalah kita
yang cukup panca indera
tetapi lemah rencana
ingin berbicara hak kuasa
siapa yang lebih hebat
siapa yang lebih berkuasa.

Siapalah kita
yang diberi pilihan
dosa atau pahala
yang hanya menumpang sementara
di bumi yang penuh sandiwara
siapalah kita di sisi-Nya.

Intan Lily Julieana

Pemurah Bakti

Za'ba...

Sewaktu Melayu masih teraba-raba
Ketika anak bangsamu masih terkial-kial
Mencari sesuatu untuk sebuah pedoman
Kaudatang...
Kaudatang memberi sinar harapan
Kau menghampiri setiap yang hampir-hampir
Layu terkulai...

Dengan tangan terbuka
Kau menghulur tangan
Dan menggapai tangan-tangan itu
Dengan kejap dan kuat

Kini...

Setiap pengorbananmu membawa
Sejutaan pengertian yang mendalam
Setiap satu diabadikan
Tanpa satu pun yang hilang
Terima kasih...
Kerana menjadi Za'ba
Seorang yang penuh dengan iltizam yang jitu

Muzium Negeri Sembilan

Isbiha

Siapakah Gerangan?

Siapakah gerangan yang berani
menyalakan api di malam sepi
membakar hutan pusaka
warisan berzaman nenek moyang
menyimpan rahsia yang sukar terungkap
lalu mengusir sang harimau ke kota
bulunya carik kakinya luka
darah menitik di sepanjang jalan
namun kukunya masih tajam mencakar
taringnya panjang kukuh mencengkam
ngaumnya panjang membelah kesunyian
menjagakan malam terbaring syahdu.

Harimau yang tertarik bulu terluka kaki
merayau menyusuri lorong ke lorong
menahan lapar semalaman
menyimpan dendam dan amarah
siapakah gerangan yang berani
menjinaknya dengan umpan tipu daya
menenggelamkan daya fikir ke lubuk nafsu
lantas sang harimau ghairah dengan janji
habuan makanan yang tak pernah tersaji.

Siapakah gerangan yang berani
menjual maruah bangsa
martabat diinjak dikeji
kecuali bangsa itu sendiri.

*Johor Bahru
Oktober 2002*

Ismail Mohd. Taib
Salam Pendidik

Wadah guru laksana lilin,
Membakar riang janji terpilin,
Terhimbau semangat kembang terjalin,
Memugar indah hasrat terpimpin.

Kembang budiman bermata sari,
Bersinar rangbulan indah bersemi,
Adab keilmuan puncak tradisi,
Meraut wajah terperi budi.

Dikau umpama lilin bercahaya,
Susunan pendidik suara pendeta,
Mengorbankan diri menerangi bangsa,
Jari manismu tersua jua.

Jalan hormat kembangan bunga,
Mawar melati sanjungan bonda,
Pertiwi menangis ibarat laksana,
Impian abangan sesaujana mata,

Bonda bermimpi selasih jauhari,
Indah tersimpul kasih berbudi,
Anak watan berdiri memayungi,
Itulah kenangan pendidikan bersemi,

Guru melambai anak kecilku,
Nakal bermain mengiraikan buku,
Buku terlepas galak diburu,
Ilmu dikejar dengan berguru.

Bukan payah hendak memancing,
Memikat gadis perlu bertanding,
Berkat ketabahan buku disaring,
Nasihat menjurus imbangan bersanding.

Bukan mudah bersanding bersama,
Perlu ilmu diajar bersemuka,
Mengadap majlis indah tersua,
Doa gurunya berkalam sentosa.

Seremban

Mohd. Hata
Arkib Pendeta

Usaha benih jasa
bercambah di perdu buku
dikagumi anak cucu
semerbak wangi pahala.

dikutip kesan tangan
kemilau dari fikiran
sang pendeta
antik di mata.

johari penilai
doktor persuratan
lambang
seribu tak satu.

di jalan, di binaan
nama ternama jua
warisan mata
tersimpan di arkib pendeta.

Kuala Lumpur
Oktober 2002

Mohamad Saleh Salimin

Pendeta Za'ba

Di kampung Kerdas Negeri Sembilan
Allah telah takdirkan seorang insan
hidup dalam suasana kampung Melayu
membesar dan berilmu.

Dewasanya telah mengukir nama
menjulung langit martabat bahasa Melayu
paling luar biasa pepatah pepitihnya
nahu dan gurindamnya
tiada tolok bandingannya.

Di zamannya,
lenggang lenggok bahasa Melayu sebelum merdeka
berteduh di bawah Pelita Bahasa Za'ba
yang belum ada tandingannya.

Dalam berjuang bagi memartabatkan bahasa
bersandarkan nahu Melayu dan agama
yang menyala-nyala di dalam dadanya
Za'ba mendukung bahasa seiring agamanya
waktu itu Za'balah satu-satunya pakar bahasa kita.

Engkau telah membina tembok kebal
yang kami gantungkan gunung harapan,
dan di tembok itu jugalah Melayu pahatkan
segala lukisan bahasa Melayu lama dan moden
tanpa berasa sebarang keraguan
betapa kuatnya dan gagah bahasa Melayu
yang menjadi bahasa rasmi kita
dari dahulu, kini, dan seterusnya.

*Teratak Kelana, Seremban
Oktober 2002*

Muzahar Adam

Air Mata Pembawa Rahmat

Hari ini kau menangis lagi
meratap, melolong
dalam sedu-sedan hibamu.

Ratapanmu adalah harapan
sedu-sedanmu, deraian air mata
basah mencuci noda tercicir
dengan harapan mencapai cita-cita.

Air mata ayah jatuh lagi
membasahi kedua-dua belah pipi
kering dan basah lagi
esok berulang lagi.

Lihatlah
betapa indahnya
tanah airmu
betapa indahnya
segala yang ada pada hari ini
adalah berkat erti tangismu
membuahkan rahmat.

Duhai ayah
kau menangis lagi
kerana kau tahu
tangisanmu adalah membawa rahmat.

Rembau.

Nisah Haji Haron
Sumpah Keramat

Sumpah keramat itu masih sarat berbau janji setangginya bertebaran ke sudut terakhir bentala ini melayah jauh bersama lenguh sayap sang semilir pada penjuru zaman dan rentasan masa mencari inti kebenaran dari sari semangat bahawa mayapada ini tidak akan ketandusan bangsa yang segar bila bercapal bangsa yang gemalai bila berzapin bangsa yang sopan menyusun tutur bangsa yang tegas bila tercabar.

Nah, itu sumpah keramat seorang pendekar lima ratus enam puluh tahun nan lampau tika melepaskan pandangan ke pelabuhan di tepi selat terpanjang mengukur semenanjung bahtera besar yang singgah bukan milik bangsaku bila lagi bangsaku meninggalkan sampan kolek menggantikan pesisiran selat ini dengan bahtera sendiri memakai tanjak tenunan suri dari anjung rumah ini.

Itulah lafaz janji seorang laksamana selepas mengorbankan seorang saudara yang pernah terikat oleh sumpah yang serupa demi menghulur kesetiaan pada peterana yang pernah menghunjam titah agar nyawa dan jasadnya tidak lagi bersatu.

Lantas kekuatanmu jadi tersimpan dalam sumpah dan namamu bersemadi dan abadi menjadi satu dalam setiap nadi dan denyut jantung bangsaku. Dan kini, lima ratus enam puluh tahun berselang

narwastu sumpahmu masih berbau dalam semangat
putera puteri yang menggenggam zat kesedaran;
Melayu dan perjuangan tidak boleh dipisahkan
meskipun sumpahmu sudah lama sekian
keramatnya masih lagi diasap
kemenyan harmoni dalam dupa wawasan!

*Seremban
Oktober 2002*

Rafe'ah Abdul Rahman

Kitalah Guru Bestari

Kitalah guru bestari
menyelongkar inti pati makna hakiki
kitalah pohon peribadi membuahkkan budi
berilmu, berketrampilan, dedikasi
berhemah tinggi dan mulia peribadi
menjadikan sekolah bestari
gelanggang ilmu di cari gali
mendidik, membimbing pelajar erti maknawi
dunia akhirat ilmu diterokai
agama dikendong, ilmu dikelek, moraliti dijulang
tinggi.

Kitalah wira bangsa peneroka zaman
kitalah guru berjasa memberi pedoman
kitalah warga pendidik penerus warisan
kitalah menyusur arus mengejar kemajuan
kitalah perintis ilmu, memberi sinar memartabatkan
insan.

Duhai murid laksana permata
guru ibarat ibu bapa kedua
bertahun bersama menggugah minda
selautan kasih mencanai jiwa
khazanah ilmu giat diteroka
jadilah insan harapan keluarga, bangsa dan negara
jasa guru tidak minta dibalas
asalkan dikenang ke akhir zaman
genggamlah iltizam semarakkan impian
menjulang hingga ke puncak kejayaan.

*Ilham Resort, Port Dickson
April 2002*

Rahimi NS

Gagasan Seorang Pendeta

Selain warga negara yang setia, dia juga pakar bahasa

sehingga bertimbun magnum opusnya

Pelita Bahasa, ilmu bahasa

jawi dan rumi daftar ejaannya

panduan mengarang jadi pedoman

deretan buku pengetahuan

pelbagai karya yang diterjemahkan

esei terakam di majalah dan jurnal

dengan kekuatan bahasa cinta.

Selain menjiwai warga bahasa,

dia juga sasterawan berwibawa

yang mencanang keindahan rasa

kritiknya terserlah, mengutara ideal idea kehidupan

dia juga pemikir ekonomi

untuk menambah peluang pendapatan

dia juga pejuang kemerdekaan

untuk menikmati udara kebebasan

dia juga ahli falsafah, yang membangun maruah

bangsanya

dia sedar dan peka

mendaulatkan rumpun bangsa di negara tercinta.

Kehormatan bergelar Pendeta

anugerah doktor, sanjungan bintang ketokohan

diberi pada jasa anak bertuah ini

yang menjunjung gagasan berwawasan

sehingga menyerlah permata fikirnya.

2

Pendeta ini tak segan silu, menyatakan kata hatinya
doktor ini tak berasa malu, membedah masyarakat
Melayunya
baginya, manusia tak harus papa
atau hidup dan berpura.

Masyarakat Melayu mengikut ruang fikirnya
perlu memerangi dan berperang
kemiskinan rupa, kemiskinan harta
kemiskinan budi, kemiskinan ilmu
dikikis habis-habisan.

Masyarakat Melayu, mengikut acuan kehendaknya
perlu membuka pintu hati
perlu menyegar minda bangsanya
perlu bersopan sesama insan
dalam era pantas kehidupan, yang benar dan nyata.

3

Tokoh yang dimuliakan ini
berjaya menyumbang baktinya
nama keramat Za'ba ini
mendahului zaman kebangkitannya
kini pelbagai mercu tanda sanjungan
pada nama sekolah, asrama siswa
pada nama jalan raya, sebuah yayasan
sebagai penghormatan kita,
sebagai penghormatan negara
demi merakam jasa dan terima kasih
untuk seorang anak bangsa, yang kita bangga.

Batu Kikir

Mei 1995

Berita Minggu, 21 Mei 1995

Rauna

Suatu Pengharapan

Entah mengapa
perasaanku semakin gundah
duniaku rasa semakin kelam
ilusiku semakin lemah
bagai tiang tiada sendi
bagai api tiada berbara

Sinaran mentari pagi
kurasa semakin pudar
awan berarak mendung
kusangka hujan di malam dini
tetapi hujan di tengah hari

Aku semakin bingung
tiada yang siapa ingin
memahami jiwa ini
yang semakin gersang
dibuai mimpi-mimpi yang ngeri
dibayangi kisah-kisah silam
yang penuh dengan ranjau berduri

bilakah nur mentari
memancarkan sinarannya
menerangi jiwa yang punah
bagai kapal tiada berkemudi
bagai kapas harapan
bagai batu penderitaan
sebagai sungai pengharapan
jiwa lesu ...
lesu segala-galanya.

Seremban

Rauna
Tidak Pasti

Pemilik rumah
telah pergi meninggalkan rumah
pemilik cinta
telah pergi meninggalkan cinta
nyawaku telah dibawa pergi
yang tinggal hanya patung
yang tidak bernyawa
aku malu dengan duka
tetapi duka yang selalu aku alami
tiada siapa yang tahu
patung tidak bernyawa
kerana nyawanya telah dibawa pergi
satu pengorbanan
untuk menyelamatkan dua hati
sedang dewa tidak mengetahui
terus angkuh di sebalik sifat kemanusiaan
ibarat lilin membakar dirinya
hanya kiamat yang datang
pasti membawa aku pergi
tidak mungkin wajah
dilihat dalam air mengalir
air sungai tidak akan tercemar
walaupun ramai orang yang menyelaminya
mungkinkah ada dugaan
yang belum aku lalui
aku tidak keseorangan
cinta dikau selalu bersama daku
hanya orang bermaruah
merasa dirinya dimaki
restu dan kasih sayang
yang menjadi azimat
selamat tinggal kesengsaraan.

Taman Panchor Jaya, Seremban

Shazmee Rizal Agus Salim

Kerusi

Kerusi itu telah lama kosong
di penjuru yang dilupakan.

Sekalian isi rumah
tetap mabuk dalam sibuk
kerusi pun melabuhkan
lipatan ingatan di ribanya.

Apabila detik itu kembali berulang
detik tuan rumah yang pulang
semua bagai terpaku
pintu melebarkan daunnya
tangga menyusun anaknya
laman melebar dadanya.

"Bukankah tuan sudah lama pergi!"
kata kerusi
dengan mulut bersawang.

KLIA Quarters
Oktober 2002

Zainal Abidin Ahmad - Za'ba
terukir dalam sejarah persuratan dan kebudayaan
tokoh bahasa, sastera, agama, politik negara,
Bapa Tatabahasa Melayu
pemukul rebana kalbu
debarannya masih terdengar hingga kini

Za'ba, kritis melahir hujah, berani memberi
pandangan bidang agama dan ekonomi
mendukung islah dan reformasi
pembangunan bangsa, melalui bahasa
politiknya menentang gagasan Malayan Union
iltizamnya memperjuangkan asas pembinaan
bangsa

Bahasa Za'ba, wadah dan asas kepandaian ilmu
bangsa
manusia berilmu dan berakal kerana bahasanya
teladan daripada pemikiran pengarang besar
atau daripada kata-kata lidah pendeta

ilmu bahasa harus dilengkapi
pelbagai bahasa perlu dipelajari
sebagai perbandingan
atau proses penyelidikan
dalam membongkar ilmu
atau bagi menghalusi bahasa kita
syair dan langgam wadah warisan berharga
jadikan panduan hidup
keindahannya mewarnai bahasa harian kita

Seremban

Didikan sejak kecil umpama memahat lukisan atau tulisan pada batu, lenturan dapat dibentuk ajaran dan teladan mudah dilengkok, mudah ditunjuk.

Didikan di rumah adalah asas pengetahuan menghasilkan bangsa yang bahagia sempurna kejayaan pasti menjelma.

Perangai boros harus ditinggalkan
amalan berjimat-cermat jadikan pegangan
tabiat berhutang perlu dipinggirkan
harta benda akan terpelihara.
Bersyukur dengan apa yang ada
perasaan gah dan ingin bersaing perkara
kebendaan
tanpa usaha, bukan lagi amalan bangsa kita.
Pembangunan perlu disambut
perlu fikir usaha kumpul harta
bangsa kita harus pandai berniaga
demi kemajuan anak warisan kita.

Kepayahan jadikan rangsangan
bekerja keras jadikan amalan harian
iktisad Islam jadikan pegangan
mengikut telunjuk perlu guna fikiran
budaya hormat-menghormati
bukan untuk ditinggalkan di belakang
orang lain maju ke hadapan.

Anak negeri perlu berani dan terus maju
seiring dengan kemajuan teknologi dan ilmu
bukan lagi seperti sebuah muzium, yang hanya
mampu
memelihara adat dan amalan kuno, budaya harus

diwarisi,
jangan lupa asal-usul sendiri, usah agama dijadikan
halangan
kerana agama itu radikal dan penuh keindahan
pegangan perjuangan, iman perlu teguh dan
mantap
cita-cita untuk maju perlu sentiasa dipahat.

Seremban

Siti Salbiah Zahari
Falsafah Pendeta 3

Kewajipan diri sendiri perlu difahami
kemuliaan sifat diri menghilangkan sifat keji
pergaulan perlu diperluas
tindakan didasarkan pegangan agama
sempurnalah sifat kemuliaan jiwa
Perangai mulia perlu diperhebat
ilmu pengetahuan perlu dituntut
cita-cita tinggi perlu digarap.
Negara bangsa perlu dipertahankan
jangan biarkan harta kita berterusan menjadi korban

Masa dan waktu perlu diburu
bukan hanya leka dalam kealpaan
keturunan dijaga
asal-usul dimartabat bukan ditikam hebat
Kemiskinan bukan lagi sinonim bangsa
selera perlu ada batasnya
amalan meleakakan perlu diketepikan

Kita perlu punya jati diri sendiri
teguh cita-cita
bertanggungjawab menepati masa
cinta tanah air dan bangsa
berkorban dan berkebajikan kepada penderita
bukan hanya pandai berbicara
setiap kata perlu dikota

Semangat kebangsaan perlu teguh
kemajuan dan ketinggian bangsa usah dibiarkan
rempuh.

Seremban

Suhaimi Othman
Citra Dari Rumah Za'ba

Tika aku melewati kamar galeri rumahmu kelmarin
pelbagai khazanah peribadimu belum terpadam
cahaya tintanya
terimbau aku akan detik-detik lara dan suka hidupmu
meniti tangga-tangga kehidupan
daripada anak tani bergelut dengan bendang
menungkah arus air bonda yang tenang
bermain dengan anak keli berselut di tapak tangan
dari desa yang sepi
sehingga terangkat dan terjulang penuh gemilang di
di persada dunia Melayu
bahasa dan budaya yang diperjuangkan sehingga
kini masih hidup rohnya
bukan sahaja berlegar di daerah ini
kini melangkau alam Melayu jagat raya.

Sesekali aku begitu kelu dan pilu
menziarahi rumahmu bagaikan bertemu dan
berbicara dengan dirimu
berperantaraan karyamu yang masih hidup
dan begitu petah berbicara
dalam polemik dan debat ilmu
pelbagai aktivis dan aliran penggiat masih yakin
akan kehadiran dan bicaramu dalam majlis ilmu
semenang tiada kesudahannya!

Pembela bangsa , bahasa, budaya tiada jemu
mengungkap dan menyelongkar daripada pelita
yang gemerlang cahayanya dari khazanah ilmumu
hilangmu sesungguhnya tiada pengganti
ungkapan itu ketinggalan dan bersifat purba
belum wujud dan turun lagi di maya Melayu ini
makhluk sepertimu!

Betapa hebat anak-anak merdeka
mengecapi keagungan nikmat dan rahmat
yang tertumpah untuk dipungut.

Anak-anak merdeka

betapa sukar mentakrif sebuah nikmat merdeka
dari kamus hidup pusaka moyang yang pernah
derita hayatnya.

Anak-anak merdeka bertuah

celik di dunia kemewahan melingkar di mana-mana
mereka kini buta hati dalam mengerti legenda dan
realiti

mereka meninggalkan pakaian budi

mereka alpa sejarah lara para syuhada, pembela
agama dan watan.

Nikmat ini bagi mereka ibarat tikar mengkuang

kusam warnanya menanti tika dimakan hari

alangkah baik bersikap anarkis

untuk atasi kemelut yang bergelut

sesekali perisa gunakan pisau autokratik

sesekali berbisa meninggalkan bilah-bilah

demokratik.

Krisis identiti kian parah lukanya

dalam melewati rumah Tuhan laksana monumen

terlalu sedikit penghuninya

sukar sekali membongkar sebuah makna dengan

menyelak tabir alam sufi

tiada pengertian mendalam dan persoalan

mendasari hakikat

mengapakah kunjungan ke rumah yang mulia ini

kunjungan bukan bersifat luar biasa untuk membina

keinsafan tapi sia-sia

kunjungan tiada mengenal adat dan jauh sekali

bersifat ibadat

bicara hal duniawi di rumah mulia seperti bicara di pasar-pasar.

Kunjungan ke perkampungan persemadian berkerudung kepalanya rambut tampak terjurai baju berlengan panjang paras siku cuma mereka berbaju hakikatnya tidak berpakaian ibarat rumah bertiang tiada berpapan.

Alangkah murah pasaran jualan dan belian harga sebuah reputasi

Seolah-olah barangan dagangan tiruan di pasar kaki lima tempat orang lalu-lalang.

Tiada lagi mega berlalu dengan berita gembira kita sudah menuju ke kaki langit

ini berita sensasi dan misteri untukmu ambillah iktibar dari pohon kelapa

bila-bila masa buah, putik dan bunga bisa gugur malaikat maut mengintai di mana-mana!

Bahau

Oktober 2002

Zulkifli Abu
Suara

Suara itu masih bergaung
menyelinap rentas waktu
bangsaku perlu bermaruah.

Serak suara itu berteriak dan memekik
Melayu perlu berubah!

Hanya ilmu
ilmu sahaja yang dapat mengubat Melayu
yang sakit di tanahnya sendiri.

Berilmukah Melayu sejak berabad lamanya
masih tidak mampu mentafsir diri?
Bersatukah Melayu sedang saban hari diperdengar
cerita sengketa?
Beragamakah Melayu kalau gagal, takdir saja
penyebabnya?

Nah!
tanpa serik dia terus memekik
Melayu perlu bersatu.

Sudah hampir satu abad suara itu meraung
dan melolong
Peliknya...
Hanya sesekali lolongan itu bersahut.

*Taman Pinggiran Golf,
1 Januari 2003.*

PENDETA

(Tablo Zainal Abidin Ahmad)

oleh: Rauna

(Beduk berbunyi. Kedengaran tangisan bayi yang baru lahir, diikuti dengan suara Azan. Beduk berbunyi semakin lama semakin sayup. Kelihatan sorang tua sedang solat Syukur. Cahaya fajar kelihatan mengembang.)

Suara I

Enam belas September
seribu lapan ratus sembilan puluh lima
matahari pagi memancar sinar
angin sepoi menyampaikan khabar
di pinggir Sungai Jempol Negeri Sembilan
untuk satu keluarga di Kampung Batu Kikir
bahawa seorang putera telah dilahirkan.

Ah, cuma putera biasa daripada keluarga takwa
disirami dengan laungan kalimah Allah
ditatang dengan penuh adat istiadat
ditunjangi dengan kitab al-Quran
didaknya hidup dalam semangat melengkap diri
dadanya ilmu, jiwanya iman, hatinya budi.

Suara II

Pendidikan rasminya bermula
di Sekolah Melayu Linggi
Di sini telah memperlihatkan
kebolehan dalam bidang bahasa
Diikuti di St. Paul's Institution Seremban
lulus dengan cemerlang Senior Cambridge
tetapi jiwanya, hatinya, budinya

masih ditunjangi dengan kitab al-Quran
Berkat keramat bumi tercinta
Gunung, langit, laut dan udaranya
dianugerahkan seorang tokoh
yang membawa obor cinta bahasa
mendidik anak bangsa
bangunlah di belakangnya
berdirilah di depannya
ribuan suara muda dipancar sinar sedar.

Anak muda yang berjiwa besar
Mula bekerja di English College Johor Bahru
Sebagai guru Bahasa Melayu
Dan seterusnya
Di Maktab Melayu Kuala Kangsar
Sebagai penterjemah bahasa Melayu
Semasa menjadi pensyarah
Di School of Oriental and African Studies
Berjaya Melanjutkan pelajarannya Di Universiti Lon-
don
Mendapat Ijazaha Sarjana Muda Sastera
Dalam bidang bahasa Melayu dan Arab

Suara III

Bersama teman-teman,
kaugabungkan suara muda dalam gema bersabda
menyerak mercik menyadap semangat bangsa
sebaris lalu, sebaris tumbuh, sebaris tiba.
Kau berdiri di barisan paling depan
mengibarkan bendera bahasa
dalam panduan gelora semangat bangsa.

Kebesarannya sebagai pejuang bahasa
bahawa dia tidak berkata untuk tidak melakukan
tetapi berbuat mengucapkan

bijaksananya gedung akal laut bicara.
Semasa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu
di Johor Bharu bersidang
Beliau telah dianugerahkan
Gelaran "Pendeta".

Tanggal 1959

Atas sebab-sebab kesihatan
Segala jawatannya telah dilepaskan
Tetapi mindanya masih cergas memikirkan
Perkembangan Bahasa Melayu
Atas sumbangan yang amat besar
Dalam bidang Persuratan dan bahasa Melayu
Universiti Malaya menganugerahkan
Doktor Persuratan
1973 Universiti Kebangsaan Malaysia juga
Memberi anugerah yang sama

Tanda pengiktirafan Kerajaan Malaysia
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Malaysia
Menganugerahkan
Bintang Pangliam Mangku Negara (P.M.N.)
Yang bergelar Tan Sri

Suara IV

Tangga

dua puluh tiga Oktober
Seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga
Pendeta telah pergi buat selamanya
Pelita Bahasa Melayu peninggalan
Kamus Bahasa Melayu
Perjuangan yang tidak sempat diselesaikan

Abang ...
Megahmu terjunjung di jemalaku
kusimpan sedu di palis hati
kusandar kudrat pada keyakinan
bahasa hidup adalah perjuangan
iman dan ilmu berjalan seiringan

Kuingat katamu dulu;
Rebutlah pengetahuan, kejarlah kemakmuran
selama segala itu tidak mengganggu kita
dalam iman beribadah kepada Tuhan
malah dengan kemajuan serta kemakmuran
seharusnya menjadikan kita lebih beriman
bersyukur dan takwa kepada Yang Maha Esa.

*(Lagu 'Di Mana Kan Kucari Ganti' mengakhiri
persembahan ini)*

IMBASAN

Ruangan ini bagi mengimbas kembali penghargaan yang ditujukan kepada beliau semasa beliau masih hidup atau sudah meninggal dunia. Sebaliknya daripada Za'ba yang dapat kami ketahui.

Penghargaan daripada:

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

A. Melalui Pengajian Tinggi

UNIVERSITI MALAYA KUALA LUMPUR

- * Kolej Za'ba (Nama Kediaman Siswa) di kawasan Universti Malaya
- * Bingkisan Kenangan untuk Pendeta (DBP) usaha Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- * Gelaran Doktor Persuratan (Kehormat) 1959
- * Koleksi Za'ba, Perpustakaan Universiti Malaya.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

- * Gelaran Doktor Persuratan (Kehormat) 1973

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

- * Rumah Za'ba (muzium) mula 2002
- * Kerusi Za'ba

KERAJAAN NEGERI MELALUI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

- * Sekolah Menengah Kebangsaan Za'ba, Kuala Pilah
- * Sekolah Menengah Kebangsaan Pendeta Za'ba, Taman Paroi Jaya, Seremban.

KOLEKSI ZA'BA



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Pengantar

Seorang cendekiawan boleh dikenal dari karya-karya yang beliau telah cipta. Sebenarnya kita boleh menembusi pagar dan tabir sifat wataknya untuk mengenal hati sanubari atau jiwa melalui kajian tentang bahan-bahan bacaan seorang itu. Keistimewaan cara ini boleh dipakai sewajarnya jikalau kita tahu cendekiawan itu menumpukan pengajian khusus kepada koleksinya itu dan beliau telah membuat banyak catatan atau tanda-tanda adaptasi di atas halaman-halaman di dalam buku-buku koleksinya itu.

Maka inilah keadaan koleksi Allahyarham Pendeta Za'ba yang beliau telah bermurah hati menghadiahkan kepada Universiti Malaya. Koleksi itu lengkap di dalam 3,179 buah buku dan kebanyakan buku itu penuh dengan anotasi-anotasi yang sangat menarik yang kelihatan justeru tulisan rumi atau jawi dari tangan Pak Za'ba sendiri.

Profesor Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad, yang lebih terkenal sebagai "Za'ba", lahir pada 16.9.1895 dan beliau telah kembali ke rahmatu'llah pada 23.10.1973. Dalam hayatnya, beliau pernah menulis beberapa buah buku dan makalah atas pelbagai perkara, termasuk pengajian Melayu, pengajian Islam, pendidikan, linguistik, kemiskinan desa dan lain-lain. Melalui karya-karyanya itu beliau telah menjadi seorang sarjana yang terkenal di dalam dan di luar Malaysia.

Saya sudah berkenalan lama dengan Pak Za'ba. Iaitu saya mula berjumpa dengannya di zaman sebelum perang. Selepas beliau bersara dari Universiti Malaya, semasa beliau tinggal di rumah No. 108 Jalan Gasing, Petaling Jaya, pada penghujung tahun 60-an, saya suka berjumpa dengan beliau untuk mendapat

komen serta nasihat tentang masalah-masalah yang saya hadapi di dalam tugas saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Istilah Ekonomi.

Satu masa, agak saya pada tahun 1964, beliau menyatakan kepada saya hasratnya untuk menghadiah koleksi bukunya kepada Perpustakaan Universiti Malaya. Saya menyambut cadangan itu dengan penuh gembira dan saya telah mendapat persetujuan pihak Universiti tentang projek itu.

Pada 16.10.1965, di kediaman Pak Za'ba itu, satu istiadat telah berlangsung di mana Pak Za'ba menyerahkan koleksi ini kepada Prof. R.L. Huang, yang selaku Pemangku Naib Canselor pada masa itu menerima koleksi bagi pihak Universiti Malaya.

Di istiadat yang sama juga, Pak Za'ba menyerahkan sekeping cek berharga \$10,000 kepada Universiti Malaya dan ini dijadikan suatu biasiswa bernilai \$500 setahun yang dinamakan biasiswa Penyelidikan Za'ba. Biasiswa ini terbuka kepada siswazah serjana sastera di dalam jurusan pengajian Melayu dan pengajian Islam.

Semua buku-buku koleksi beliau telah dipindahkan kepada Perpustakaan Universiti Malaya dalam tahun 1974. Kerja menyetalokkan koleksi ini telah mengambil masa lebih setahun, dan ini pun tanpa anotasi penuh.

Sebagaimana saya telah memperkatakan di dalam buku saya tentang pemikiran Pendita Za'ba iaitu, "Jejak-jejak di Pantai Zaman", terpulanglah kepada para akademik dan para cerdik pandai sekarang yang ada minat untuk mengkaji fikiran-fikiran Za'ba di dalam lapangan politik, ekonomi, filsafah, pendidikan dan agama. Saya berharap katalog ini akan menjadi suatu bahan yang berguna di dalam urusan itu.

Dengan ikhlas biarlah saya katakan bahawa dari zaman dahulu hingga sekarang tidak banyak anak Melayu yang boleh dikenal sebagai, "tokoh intelek, emas sepuluh". Bangsa Melayu dan peminat karya di

dalam Bahasa Malaysia, harus rasa bertuah oleh kerana kita boleh merujuk dan mengkaji bukan sahaja tulisan Pak Za'ba dengan lengkapnya akan tapi juga kumpulan bahan bacaan beliau yang lengkap dengan anotasi yang mencerminkan watak serta sifat beliau sebagai seorang pemikir.

Terpujanglah kepada cerdik pandai di zaman ini untuk mengkaji bahan-bahan itu supaya rakyat umum boleh mewujudkan suatu gambaran yang jelas dan lengkap tentang seorang tokoh Hero Persuratan dan Pemikiran Melayu di Zaman Moden.

†† PROF. UNGKU A. AZIZ (1976)

BIODATA PELAJAR

ATRIZA BINTI UMAR, (12.10.1985) - K/P: 851012-05-5136
lahir: N.S. Tingkatan: 5 Seri Kiambang, Sek. Men. Keb.
Seri Ampangan, Seremban.

FAIROZ BIN ABDUL RAHIM, (15.9.1985) - K/P: 850915 - 05
- 5008. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 5 UKM. Sek.
Men. Keb. Senawang 2, Seremban.

FARAH NABILLA NOOR Bt. ANUAR, (23.4.1985) - K/P:
850423 - 05 - 5072. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan: 5
Bestari, SMK. Dato' Hj. Mohd Redza, Seremban.

FARAH SHAHNAZ BINTI MOHD. RAMLI, (3.4.1985) - K/P:
850403 - 05 - 5710. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 5
Munawir. Sek. Men. Keb. Ampuan Durah, Seremban.

MAIZATUL MUNIRA, (11.10.1989) - K/P: 891011 - 01 -
6170. Lahir: Johor. Tingkatan 1A1, Sek. Men. Keb.
Sheikh Ahmad, Seremban.

MOHD ARHAM HAN BIN AMIRUDIN, (17.9.87) - K/P:
870917 - 56 - 5759. Tingkatan 3 Bestari. Sek. Men. Keb.
Dato' Abdul Samad, Tanjong Ipoh, N S

MOHD HANAFI BIN SAAT, (1.4.1986) - K/P: 860401 - 23 -
5223. Tingkatan 4 Ibnu Khaldun. Sek. Men. Keb.
Agama Pedas, Rembau, Negeri Sembilan.

MOHD IZZUDDIN HAFEEZ MOHD. ZAHAR, (1985) - K/P:
851027 - 01 - 5073. Lahir: Johor. Tingkatan 5 Ikram,
SMKA Sheikh Haji Mohd. Said, Seremban.

MOHD MUAZ BIN AZIZAN, (9.7.1986) - K/P: 860709 - 05 - 5077. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 4 C, Sek. Men. Keb. Dato' Sheikh Ahmad, Seremban.

MOHD RAFIZAN BIN MD. HAKIM, (22.2.1988) - K/P: 880222 - 05 - 5065. Lahir: N S. Tingkatan 2 Bersih. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

MOHD SAIFUL BIN SALIM, (25.3.1985) -K/P: 850325 - 05 - 5159. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 5 UM. Sek. Men. Keb. Senawang 2, Seremban.

MOHD ZULHAIRI BIN ZULKIFLI, (25.2.1988) - K/P: 880225 - 02 - 5099. Tingkatan 2 Berlian. Sek. Men. Keb. Gemas, Gemas, Negeri Sembilan.

MUHAMMAD AZREE BIN ABD. AZIZ, (16.6.1986) - K/P: 860616 - 23 - 6505. Tingkatan 4 Radin. Sek. Men. Keb. Ampuan Durah. Seremban.

MUHAMAD HANAPI BIN JAMALUDIN (5.6.1986) - K/P: 860605 - 59 - 5423. Tingkatan 4. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

NOOR RAFIDAH BINTI HAMID DOL, (8.8.1985) - K/P: 850808- 01 - 5864. Lahir: Johor. Tingkatan 5 Dedikasi. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

NOORHANIS BINTI ZAINUDDIN, (26.3.88) - K/P: 880326 - 05 - 5262. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 2 Biru. Sek. Men. Keb. Tampin, Tampin, N S

NORFARHANA BINTI ABDUL RAHIM, (10.2.88) - K/P: 880210 - 06 - 5178. Tingkatan 2 Agama 2, SMK Dato' Sheikh Ahmad, Seremban.

NORKAMALIA BINTI BAHARUM, (1.11.88) -K/P: 881101 - 05 - 6574. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 2 Agama 1.SMK. Dato' Sheikh Ahmad, Seremban.

NORSYARYDĀTUL ELIZA BINTI SULAIMAN, (18.12.85) - K/P: 851218 - 05 - 5342. Lahir: N S. Tingkatan 5 USM. Sek. Men. Keb. Senawang 2, Seremban.

NORZIHAN BINTI HUSIN, (21.3.1988) - K/P: 880321 - 05 - 5116, Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 2 Cepak. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

NUR AIMI HAKIMAH BINTI MD. FIAH, (12.5.88) - K/P: 880512 - 05 - 5362. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 2 Berlian. Sek. Men. Keb. Gemas, Gemas, Negeri Sembilan.

NUR AMALINA BINTI TAJUDIN, Tingkatan 5A9, Sek. Men. Keb. Tinggi Port Dickson, Port Dickson, Negeri Sembilan.

NUR IZZATI BINTI ISMAIL, (30.10.1986) - K/P: 861030 - 59 - 5362. Tingkatan 4 Ibnu Khaldun. Sek Men. Keb. Agama Pedas, Rembau, Negeri Sembilan.

NUR SAHIRA BINTI NURDIN, (12.9.1985) - K/P: 850912 - 05 - 5620. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 5. Sek. Men. Teknik Pertanian, Rembau.

NUR ZUHAILI BINTI RAZALI, (26.2.1986) - K/P: 860226 - 08 - 5140. Lahir: - Tingkatan 4 Radin, Sek. Men. Keb. Tunku Ampuan Durah, Seremban.

NURUL AIDA NAZIELI BINTI SABTU, (23.1.1986) - K/P: 860123 - 03 - 5394. Tingkatan 4 Ibnu Khaldun. Sek. Men. Keb. Agama Pedas, Rembau, N. S.

NURUL SAFIAH BINTI ZAIM, (19.11.1986) - K/P: 861119 - 56 - 5418. Tingkatan 4 Ibnu Khaldun. Sek. Men. Keb. Agama Pedas, Rembau, Negeri Sembilan.

OUMI AZZAHRA BINTI ZAINUDIN, (13.6.86) - K/P: 860613 - 05 - 5144. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 4 Ibnu Khaldun. Sek. Men. Keb. Agama Pedas, Rembau, Negeri Sembilan

ROSMAWANI BINTI MUSTAPHA, (23.8.1988) - K/P: 880823 - 05 - 5378. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 2 Bersih. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

SATENE BINTI SHAHARUDIN, (17.10.89) - K/P: 891017 - 05 - 5692. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 1 B. Sek. Men. Keb. Dato' Abdul Samad, Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan.

SHARIFAH BINTI SULAIMAN, (7.4.1985) - K/P: 850407 - 05 - 5056. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 5 Dedikasi. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

SITI HASHZEYANA BINTI MOHD. YASIM, (4.9.1986) - K/P: 860904 - 49 - 5334. Tingkatan 4 Radin. Sek. Men. Keb. Tunku Ampuan Durah, Seremban.

SITI HAWA BINTI MD. KARIM, (22.1.85) - K/P: 850122 - 01 - 5990. Lahir: Johor. Tingkatan 5 Dedikasi. Sek. Men. Keb. Bandar Baru Serting, Jempol.

SITI MUNIRAH BINTI MOHD. SHARIF, (16.1.1985) - K/P: 850116 - 05 - 5144. Lahir: Negeri Sembilan. Tingkatan 4 Kenanga. Sek. Men. Keb. Seri Ampangan., Seremban.
SITI NORAINI BINTI JAMALUDIN, (27.4.1986) - K/P: 860427

- 59 - 5358. Tingkatan 4 Irsyad, SMKA Sheikh Haji Mohd. Said, Seremban.

SITI SARAH BINTI RAZAK, (14.8.1986) - K/P: 860814 - 59 - 5446. Tingkatan 4 Sains, Sek. Men. Keb. Tampin, Tampin, Negeri Sembilan

YUSNEEZA BINTI YAZID, (26.9.1985) - K/P: 850926 - 14 - 6144. Tingkatan 5 UM. Sek. Men. Keb. Senawang 2, Seremban.

ZULKEFLI AKMAL BIN ZAINAL ABIDIN, (26.9.1985) - K/P: 850926 - 14 - 5889. Tingkatan 5 Efektif. Sek. Men. Keb. Pendeta Za'ba, Seremban.

BIODATA PENULIS SUMBANGSIH

A. RAHIM HAJI ISMAIL (Haji), (27.9.1942). Nama pena: Rahimi NS, lulus SPM, pesara Guru Besar. Karya bersama: Gema Serunai Hati (PEN 1981), Gema Serunai Hati II (PEN 1984), Desri Aidilfitri (PEN 1985), Merafak Sembah (PEN 1987), Rumah Merdeka (GAPENA 1998), Gema Serunai Hati 3 (PEN 1999), Gema Serunai Hati 4 (PEN 1999), Gema Membelah Gema 12 (GAPENA 1999), Aksara Merdeka (GAPENA 2000), Kata Kaca (Grop Penulis Guru 2000). Pernah menjadi AJK PEN. Alamat tetap: Kampung Kata, 72200 Batu Kikir, Kuala Pilah.

ABDULLAH ABD. RAHMAN, (13.5.1957). Nama pena: Abdullah AR, Atma Jiwa. Lulus SPM menjadi guru. Bidang: Cerpen dan puisi. Karya bersama: Gema Serunai Hati (PEN 1981), Gema Serunai Hati II (PEN 1984), Desir Aidilfitri (PEN 1985), Gema serunai Hati 3 (PEN 1999) dan Gema Serunai Hati 4 (PEN 1999). Alamat: Taman Seri Serting, Bandar Baru Serting, N S.

ADIB SYUKRI SALIM, (29.9.1988). Lahir: Seremban. Pendidikan: Sekolah Rendah Taman Paroi Jaya, Seremban (1995-99), Sek. Men. Agama Sheikh Haji Mohd. Said, Seremban (2000-).

ADNAN HAJI ABD. MANAP, () Nama pena: Adnan AM. Guru sekolah rendah. Bidang puisi: Ada sajaknya di Utusan Zaman dan Mingguana Malaysia. Alamat: Sekolah Kebangsaan Padang Lebar, Batu Kikir, Negeri Sembilan.

AHMAD AFIAN ABD. KADIR, (23.7.74) Lahir: Kampung Inas, Johol. Pendidikan: Sek. Keb. Sri Kelana (1980-1986), Sek. Men. Dato' Sheikh Ahmad (1987-1991),

Sek. Men. KGV (1992-1993). Bekerja: Pembantu Muzium di Lembaga Muzium Negeri.

AHMAD ZAHILI SALIM, (12.5.1978). Lahir: Seremban. Pendidikan: SRK. King George, Ampangan, Seremban (1985-90), Maktab Tentera Sungai Besi, Kuala Lumpur (1991-95), Matrikulasi Kota Bharu (1996-97), Universiti Putra Malaysia. Karya bersama: Alfa Alina (FB1991) dan Merawat Luka (FB 1991).

AINUR YASMIN SALIM, (18.4.1985). Lahir: Seremban. Pendidikan: Sek. Ren. Keb. Taman Paroi Jaya, Seremban (1992-97), Sek. Men. Keb. Taman Paroi Jaya, Seremban (1998-2000), S M Teknik Tuanku Jaafar, Ampangan, (2001-2002)

ANUAR MOHD. ZAIN (1.10.1964). Nama pena: Rauna. Pendidikan: Lulus Sijil Perguruan Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban (1986-88), Diploma Perguruan MPRM, Seremban (1993) Ijazah Universiti Putera Malaysia (1996-1998). Bekerja: SRK Dato' Taroh Muara Tuang, Sarawak (1989-94), SRK KGV Ampangan, Seremban (1996), SMK Pendeta Za'ba, T P J, Seremban (1999-)

ATRIZA UMAR, (12.10.1985). Kampung Sekolah , Ampangan, 70400 Seremban.

BAHRUM ABDUL BASAR, Haji (21.9.1921). Nama pena: Murah Abas. Pendidikan: zaman Jepun. Kerja: Ikut berjuang menentang Belanda, di Sumatera / bekerja sendiri. Bidang: Puisi. Karya bersama: Gema Serunai Hati (PEN 1981). Banyak mengikuti Kembara Gapena: Antaranya Afrika Selatan, Jakarta, juga Medan, Indonesia, Colombo, Ceylon, Johannesburg, Chengmai, Bangkok. Alamat: Kampung Sompoo., Lenggeng, Negeri Sembilan.

INTAN LILY JULIEANA, (). Pelajar Praktikum UiTM, Shah Alam di Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

ISMAIL HAJI ADNAN (11.1.1945). Nama pena: Isbiha. Lulus sarjana. Pernah bertugas sebagai pengetua sekolah menengah, pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum dan Ketua Sektor Akademik di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, sebelum bersara. Kini bertugas dengan Institut Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn, Johor Bahru. Bidang: Sajak, skrip drama, buku kajian.

ISMAIL MOHD. TAIB (6.9.1966). Lahir di Muar, Johor. Nama pena: Barra. Alamat: Jalan Semarak 16, Taman Panchor Jaya, Seremban.

MOHD. HATA SALIM, (12.2.1977). Nama pena: Mohd. Hata Agus Salim. Pendidikan: Sek. Ren. King George ke V, Seremban (1984-89), Sek. Men. King George ke V, Jalan Za'ba, Seremban (1990-94), Lulus Diploma Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (1995-98), Lulus Ijazah Universiti Teknologi Malaysia, Skudai (1998-2000). Bekerja dengan swasta Kuala Lumpur. Bidang: Puisi dan cerpen. Karya bersama: Alfa Alina (Fajar Bakti 1991), Merawat Luka (Fajar Bakti 1991).

MOHAMAD SALEH SALIMIN, Haji (16.12.1936). Nama pena: Kelana Murba. Pendidikan: Lulus SPM. Pesara: JKR (Tentera). Kini bekerja sendiri (peniaga). Bidang: Rencana, cerita kanak-kanak, novel, drama dan puisi. Karya bersama: Gema Serunai Hati (PEN 1981), Gema Serunai Hati II (PEN 1984), Desir Aidilfitri (PEN 1985), Merafak Sembah (PEN 1987) dan Sejambak Kasih (PEN 1990). Alamat: 1231, Jalan Kedidi 7, Taman Paroi Jaya, Seremban.

MUZHAR ADAM, (2.7.1950). Pendidikan: Lulus MCE. Bertugas dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan. Bidang: Rencana dan Puisi. Alamat: Lot 490, Taman Seri Rembau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.

NISAH HAJI HARON, (20.4.1973). Lahir di Seremban, Negeri Sembilan. Lulus Ijazah Syarie, seorang peguambela, peguamcara dan peguam Syarie di sebuah firma guaman miliknya sendiri. Memenangi beberapa anugerah cerpen. Antaranya Hadiah Siswa Bank Rakyat tahun 1991, 1992, dan 1993, Hadiah Utusan - Public Bank 1996 dan 2000, Sayembara Cerpen ESSO - GAPENA X serta Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996.

PARIDAH ZAINAL, (23.1.1970). Nama pena: Efzek Syuhada NS. Kelahiran: Negeri Sembilan. Lulus: SPM, menjadi guru. Bidang: Puisi, prosa dan drama TV. Karya bersama: Gema Serunai Hati 7 (PEN 2001). Alamat: Kg. Masjid Lonek, 72200, Batu Kikir, Negeri Sembilan.

RAFE'AH ABD. RAHMAN, (22.12.1966). Lahir di Singapura. Pendidikan: Sekolah rendah dan menengah di Melaka. Menjadi wartawan akhbar Watan, majalah Putera-puteri, Perempuan. Mengikuti kursus di MPRM menjadi guru kemudian mengikuti pengajian luar kampus UPM sehingga mendapat Ijazah. Bidang: berita, rencana dan puisi. Karya bersama: Langit Di Tangan (DBP 1996) dan Anak Bumi Tercinta (DBP-Kem. Pendidikan 2002)

SHAMSUDDIN AHMAD, Drs. (4.2.1966). Nama pena: Balidin. Lahir di Kampung Tengah, Panglang, Seri Menanti. Pendidikan: Universitas Udayana, Bali, Indo-

nesia. Bekerja: Kurator, Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

SHAZMEE RIZAL SALIM (20.6.1974). Nama pena: Shazmee Rizal Agus Salim. Lahir di Seremban. Pendidikan: Sek. Keb. Ampangan, Seremban (1981-86), Sek. Men. King George ke V, Seremban (1987-89), Sek. Datuk Abd. Razak, Seremban (1990-91) dan Sek. Kejuruteraan MAS (1992-94). Lulus sijil kejuruteraan MAS menjadi jurutera enjin MAS. Bidang: Cerpen dan sajak. Karya bersama: Budak Ajaib (Fajar Bakti 1991), editor: Alfa Alina (Fajar Bakti 1991), Erti Kedewasaan (DBP 1993), Rahsia (DBP 1993), Hingga Gerak Terakhir (DBP 1993), dan Anak Bumi Tercinta (DBP-Kem. Pendidikan 2002).

SITI SALBIAH ZAHARI (20.12.1957). Lahir: Negeri Sembilan. Lulus: Ijazah lalu menjadi guru sekolah menengah. Lulus sarjana dan sedang ke peringkat akhir Ijazah Ph.D dengan UKM. Bidang: puisi dan lain-lain. Ahli jawatankuasa PEN. Alamat: Jalan Kedidi 6, Taman Paroi Jaya, Seremban.

SUHAIMI OTHMAN (4.11.1961). Selepas SPM menjadi guru sekolah rendah di Gemas. Mendapat kursus dalam perkhidmatan di MPRM dan berpeluang ke Universiti Putera Malaysia. Setelah lulus ijazah menjadi guru sekolah menengah, di Kuala Pilah. Bidang: Cerpen, sajak dan rencana. Karya bersama: Merafak Sembah (PEN 1987), Sejambak Kasih (PEN 1990) dan Gema Serunai Hati 3 (PEN 1999). Alamat: Taman Tuanku Puan Chik, Bahau, Negeri Sembilan.

ZULKIFLI ABU (10.12.1953). Lahir di Batu 8, Labu. Pendidikan: Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (1970), Maktab Perguruan Mohd. Khalid, Johor Bahru (1972-

73). Menjadi guru di Pahang. Beberapa tahun kemudian pulang ke Negeri Sembilan. Ke Universiti Putera Malaysia (1985-1988), kemudian lulus sarjana (Pembelajaran Berbantu Komputer) dari Universiti Manchester (1997), menjadi pensyarah. Bidang: Cerpen, rencana, sajak, skrip dokumentari dan buku kajian. Karya bersama: Sejambak kasih (PEN 1990), Bumi Hijau (Marwillis 1990), Sasterawan (Medan Karya Mekar 1996), Gema Serunai Hati 3 (PEN 1999), Gema Serunai Hati 4 (PEN 1999), Gema Serunai Hati 5 (PEN 1999), Gema Serunai Hati 7 (PEN 2001). Pernah menjadi Setiausaha I PEN, kini AJK Penerbitan dan Dokumentasi serta Setiausaha Lembaga Pengarah Koperasi Penulis Negeri Sembilan (KOPPEN). Alamat: 324, Jalan Angsana 1, Taman Pinggiran Golf, Seremban.

BIODATA PENYELENGGARA

AGUS SALIM, (SALIM BIN HAJI TAIB)

- Nama pena : AGUS SALIM, S.M.HATA
- Lahir : 9.5.1939, Kg. Parit Penyengat, Muar, Johor
- Alamat : 59, Lorong Cenderawasih 2, Taman Paroi Jaya, Seremban.
- Pendidikan : Hingga darjah VII Sekolah Melayu di Muar (1948-56)
Lulus SPM Sekolah Sebelah Malam di Singapura (1965)
Lulus Sijil Perguruan di Kota Bharu, Kelantan (1967-68)
Lulus Ijazah Sarjana Muda, Universiti Nasional Jakarta - Jarak Jauh - 1972-80.
- Pekerjaan : Guru Bahasa Melayu di Sekolah Cina (1956-1962)
Guru Bahasa Melayu/Sastera Sekolah Swasta di Singapura (1963-65)
Guru Lepas Maktab (1969-1994-bersara)
- Karya : Bidang: Puisi, Cerpen, Buku kanak-kanak dan dewasa antaranya Tokoh Yang Kukuh (PN 1996), Bahasa Melayu STP (PAP 1967), Kisah Raja-raja Melaka (DBP 1969), Ulasan Malim Deman (Tratra 1984), Ulasan Rampaisari Prosa Warisan (Masa Enterprise 1993).
- Kegiatan luar : 1. Setiausaha Persatuan Penulis Negeri Sembilan (1978-92)
2. Ketua Satu Persatuan Penulis Negeri Sembilan (Mula 93)

3. Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (1997-99)
4. Ketua Pengasas/Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Penulis Negeri Sembilan (KOPPEN) Mula 1999
5. Mengikuti kembara GAPENA kerana Seminar/ Pertemuan/Dialog bahasa dan budaya Melayu serta Pertemuan Dunia Melayu ke 1. Yunan China, (1994). 2. Maroei City, Mindanao, (1995). 3. Langsa-Lokesmawe-Acheh, Sumatera, (1995). 4. Antananarivo, Madagaskar, (1997). 5. Dumai-Rupat-Bengkalis-Kayutanam, Padang, (1997). 6. Pontianak-Singkawang-Sambas, Kalimantan Barat, (1998). 7. Daik-Lingga, Riau, (1999). 8. Narathiwat-Yala-Pattani, Selatan Thai, (1999). 9. Pakan Baru, Riau, (2000). 10. Mekah,(2000). 11. Pulau Repang-Batam, Riau, (2000). 12. Jakarta-Indra Mayu, Jawa Barat, (2001) dan 12. Medan-Padang Sidimpuan, Sumatera Utara (2001)

- Penghargaan :
1. Buku bergambar terbaik 'Kucing dengan Tupai' (1978)
 2. Penulis terbaik Dewan Pelajar 1980
 3. Pingat Pangkuan Negara (PPN) 1986

MAHAYA MOHD. YASSIN

- Nama pena : AMMY, MAYA ES
- Tarikh lahir : 30. 07. 1948 di Kampung Tanjung Petai, Terachi, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.
- Alamat : 59 Lorong Cenderawasih 2, Taman Paroi Jaya, Seremban.
- Pendidikan : 1. Sek. Ren. Dato' Idris. Tanjung Ipoh. (1956-60)
2. Lulus LCE di SM Dato' Abd. Samad Tanjung Ipoh (1963)
3. Lulus OSC/MCE di SM Tunku Kurshiah, KP (1965)
4. Lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kep.) UM (1982)
5. Lulus Ijazah Sarjana Sastera UKM (1998)
- Pekerjaan : 1. Lulus Sijil Perguruan di Pusat Latihan Guru, Seremban (1970)
2. Guru Sekolah Rendah di N. Sembilan (1970-78)
3. Guru Sekolah Menengah di N. Sembilan (1982-85)
4. Pensyarah Institut Bahasa KL (1985-86)
5. Pensyarah Maktab Perguruan di Seremban (1986-)
- Karya : Bidang: Puisi dan cerpen untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa, buku bergambar, buku bahasa dan ulasan sastera, kertas kerja dan novelet. Antaranya, Pelangi, Ayahku Pulang, Suara Hati Hingga Gerak Terakhir, Ulasan Rampai Sari Warisan, Titis-Titis Wangi (novelet) dan ulasan KOMSAS Aku Anak Timur.

- Kegiatan Luar : 1. AJK Persatuan Penulis Negeri Sembilan (1976 - 2000)
2. Setiausaha Persatuan Penulis Negeri Sembilan (Mula 2001)
3. Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (Mula 2000)
4. Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Penulis Negeri Sembilan (KOPPEN) Mula 1999
5. AJK Gerakan Membaca Negeri Sembilan (Mula 1996)
6. Tamu Sari Bahasa Radio Malaysia Negeri Sembilan (Mula 1994)
7. Penyelaras Wadah Kreatif/Gapura Ujana (PEN) RMNS (Mula 1998)
8. Yang Dipertua Majlis Guru Cemerlang NS (1999- 2001)
9. AJK Program Jasamu Dikenang (Za'ba) 2001
10. Ahli Panel Hakim Anugerah Sastera Utusan (Mula 2000)
- Penghargaan : 1. Mewakili GAPENA dalam Program Pertukaran Belia Malaysia-Kanada (1972)
2. Buku bergambar kanak-kanak terbaik Kucing dengan Tupai (1979)
3. Hadiah Sagu Hati Sayembara Penulisan Puisi Remaja ESSO-GAPENA 1984
4. Lirik lagu Hari Guru Malaysia 'Ke arah pendidikan cemerlang' (1991)
5. Lirik dua buah nasyid maktab mewakili Negeri Sembilan (1995)
6. Pemenang Anugerah Nona TV3,

Kategori Utama dan Kategori Khas
(1997)

7. Lantikan Pensyarah Cemerlang
1999

8. Pemenang Anugerah Sastera
Perdana Malaysia 1990-99, sajak
'Tiada Tertanding'. (2000)

9. Pemenang Anugerah Sastera
Malaysia 2000-2001, sajak 'Jati Diri'
(2002)

10. Pingat jasa Kebaktian (1989)

11. Pingat Khidmat Cemerlang
Masyarakat (2001)

12. Pingat Ahli Mangku Negara (2001)

13. Anugerah Tokoh Seni Negeri,
Negeri Sembilan 2002.



AGUS SALIM

AGUS SALIM (Salim Haji Taib) lahir pada 9 Mei 1939 di Kampung Parit Penyengat, Muar, Johor. Beliau mendapat pendidikan sehingga peringkat sarjana muda di Universiti Nasional Indonesia dan bertugas sebagai guru sebelum bersara pada tahun 1994.

Beliau menulis puisi, cerpen dan buku kanak-kanak dan pernah memenangi beberapa anugerah. Beliau pernah memegang jawatan Setiausaha Satu Persatuan Penulis Negeri Sembilan (1978-1992) dan kemudian dipilih sebagai Ketua Satu sejak 1993 hingga sekarang.



MAHAYA MOHD. YASSIN

MAHAYA MOHD. YASSIN lahir pada 30 Julai 1948 di Kampung Tanjung Petai, Terachi, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan sehingga peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dan kini bertugas sebagai pensyarah cemerlang di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban.

Mahaya menulis dalam pelbagai genre tetapi lebih menyertah dalam bidang puisi. Beliau ialah Tokoh Seni Negeri 2002 dan kini memegang jawatan Setiausaha Satu Persatuan Penulis Negeri Sembilan sejak tahun 2001.



Memori Pendeta Za'ba terhasil daripada gagasan perkongsian pintar yang menggabungkan kepakaran Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) manakala Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus yang sentiasa prihatin terhadap pertumbuhan peradaban bangsa berfindak sebagai pembiaya projek.